Di bawah ini adalah senarai Ahli Jawatankuasa 1986/1987.

Pengerusi	:	Thang Wai Kong
Naib Pengerusi	:	Harun Jabar
Setiausaha	:	Khairulanuar b. Md. Nawawi
Naib Setiausaha	:	Sivakumar
Bendahari	:	Saufi b. Hamzah
Naib Bendahari	:	Shaje Khan
Ahli Jawatankuasa	:	Hamzah
		Aw Wai Choong
		Zaiponizam
		Azlee
		Shanker
		Chew Them Siew

Pada 21hb. Februari, 1987 persatuan ini telah mengadakan satu pertandingan kuiz bagi murid-murid tingkatan tiga sahaja.

Satu projek tahunan sekolah telah diadakan oleh persatuan ini, iaitu membuat biografi mengenai tokoh-tokoh bekas penuntut sekolah ini yang telah berjaya dalam hidup mereka.

Pada penggal kedua, persatuan ini bercadang untuk membuat lawatan ke tempat-tempat yang bersejarah dan mengadakan satu pertandingan kuiz untuk tingkatan empat dan lima.

Persatuan Sejarah sesi petang (Peringkat Rendah) juga telah melaksanakan beberapa projek mereka.

Akhir kata kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada kami.

Setiausaha.

PERSATUAN GEOGRAFI



Presiden: Cheong Weng Kai

Mesyuarat Agong Tahunan 1987 untuk memilih ahli-ahli jawatankuasa baru bagi sesi pagi telah diadakan pada 25.2.1987 bersamaan hari Rabu dan untuk sesi petang adalah pada bulan Februari juga. Pada tahun ini, seramai 106 orang telah mendaftar sebagai ahli bagi sesi pagi dan sesi petang adalah lebih kurang 40 orang.

Di antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan akan dilaksanakan termasuk:–

a) Mengadakan lencana persatuan sendiri dengan tujuan menambahkan lagi tabung persatuan untuk kegunaan aktiviti-aktiviti lain.

b) Melukis plan sekolah bagi memudahkan orang awam melawat.

c) Melawat Institiut Penyelidikan Perhutanan di Kepong.

d) Melukis dan melekat poster mengenai kegiatan ekonomi.

e) Mengadakan lawatan ke R.R.I. dan P.O.R.I.M.

f) Mengadakan kuiz pengetahuan Geografi.

Akhir kata, saya bagi pihak persatuan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat, Puan Teng, Puan Sasikala bagi sesi pagi dan Puan Khairina bagi sesi petang atas segala nasihat, tunjuk ajar dan dorongan yang menolong kami dalam mentadbirkan persatuan ini supaya meninggikan lagi prestasi.

Sekian, terima kasih.

Penolong Pengerusi,
KOR JIANN YUN

KOPERASI SEK. MEN. (L) METHODIST SENTUL BERHAD



Koperasi sekolah ini telah ditubuhkan pada 1hb. Julai, 1986, iaitu hasil daripada penat lelah Jawatankuasa Penaja yang terdiri daripada 10 orang yang berikut:–

(1)	Tuan Pengetua	:	Encik Clarence Patrick Wijasuriya
(2)	Penolong Kanan	:	Encik Robert Selvaratnam (telah bersara)
(3)	Guru-guru	:	Puan Zainun Ahmad (telah bertukar) Puan Yee Kok Seong Encik Su Too Fong Puan Rosita Hamzah (telah bertukar) Encik Chan Chee Man Encik Choo Chee Seng
(4)	Murid-murid	:	Leong Khai Cheong Khairulanuar Mohd. Nawawi

Selaku Pengerusi Koperasi sekolah ini, Tuan Pengetua Encik C.P. Wijasuriya telah bermurah hati membenarkan bilik TV yang terletak di tingkat satu sekolah ini, diubahsuai untuk digunakan sebagai Kedai Koperasi.

Tujuan utama Koperasi ini ditubuhkan ialah:–

(1) Memberi perkhidmatan kepada murid-murid, guru-guru dan kakitangan sekolah ini.

(2) Menanam semangat suka berniaga di jiwa murid-murid.

(3) Melatih murid-murid mengendali dan berurusan dengan Koperasi.

(4) Mendapatkan keuntungan (kemudian ianya dipulangkan kepada hali-ahli dalam bentuk dividen)

Dalam usianya yang masih muda, Koperasi sekolah ini telah berusaha menjalankan beberapa aktiviti. Di antaranya ialah:–

(a) Menjual alat-alat tulis.

(b) Menjual bahan-bahan bacaan tambahan dan nota-nota ulangkaji.

(c) Menjual buah-buahan dan barang-barang runcit.

(d) Menjual Kad Hari Raya.

(e) Menjalankan perkhidmatan menggunting rambut.

Setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini mendapat sambutan yang sungguh memberangsangkan sekali. Tetapi sayangnya, Koperasi sekolah ini tidak dapat beroperasi sepenuhnya terutama dalam bidang penjualan alat-alat tulis dan lain-lain keperluan murid kerana kontrak Kedai Buku sekolah ini masih belum tamat.

Mulai tahun hadapan Koperasi akan mengambilalih sepenuhnya tugas-tugas yang dijalankan oleh Kedai Buku sekolah di samping meneruskan aktiviti yang sedia ada.

Harapan semoga Koperasi kita akan terus maju dan berkembang, berkat dari sokongan ahli-ahli sekalian.

Yang menjalankan tugas,
PUAN ROHANI IBRAHIM,
(Setiausaha Koperasi MBS, Sentul Berhad).

PERSATUAN AGAMA ISLAM (PERBADIS)



Presiden: Khalid bin Hamzah

Guru Penasihat	:	Ustaz Zawawi Dollah
		Ustazah Kalsom Abdullah
		En. Supyan Hussin
Pengerusi	:	Khalid Hamzah
Setiausaha	:	Amran Othman
Bendahari	:	Harris Alias

Assalamualaikum,

"Dengan Nama Allah Yang Maha Penyayang lagi Maha Pemurah". Syukur ke hadrat Allah kerana dengan pertolonganNya, persatuan ini dapat terus bergerak dengan cergas dan terus menguatkan semangat keIslaman di kalangan pelajar-pelajar Islam.

Di antara aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dijalankan untuk tahun ini demi untuk memastikan agama Islam terus hidup di sekolah ini adalah seperti berikut:–

1. Mesyuarat pertama untuk tahun 1987 pada 14hb. Januari, 1987.

2. Menjayakan derma kilat untuk seorang pelajar Islam yang menjadi mangsa kebakaran pada 2hb. hingga 4hb. Februari, 1987.

3. Mesyuarat terbuka untuk semua pelajar Islam pada 7hb. Februari, 1987.

4. Mengadakan ceramah bersiri setiap hari Sabtu mulai awal tahun ini.

5. Menghantar wakil ke "Kem Siri Motivasi dan Pendidikan" anjuran Belia 4B Malaysia cawangan Kg. Pasir, Sentul pada setiap Hari Ahad mulai 8hb. Mac hingga 26hb. April, 1987.

6. Mengadakan kempen memberi salam dengan jayanya pada sepanjang tahun 1987.

7. Menyertai pertandingan Syarahan peringkat zon Sentul di S.M. (P) Jalan Ipoh dan mendapat tempat pertama dan kedua.

8. Menyertai pertandingan syarahan Wilayah Persekutuan di Victoria Institution dan mendapat tempat ketiga.

9. Mengadakan ceramah bersiri setiap hari kecuali hari Jumaat pada bulan Ramadhan.

10. Membesarkan surau sebanyak tiga kali untuk menampung jumlah pelajar Islam yang datang sembahyang.

11. Mengadakan ceramah, kuiz, penayangan filem dan penjualan buku-buku agama selama tiga hari dalam Minggu Dakwah.

12. Mengadakan ceramah tahunan.

13. Mengadakan ceramah dan dialog terbuka dengan pelajar-pelajar bukan Islam.

14. Mengadakan kelas bimbingan SRP dan SPM untuk pelajar-pelajar Islam mulai dari bulan Julai 1987.


Semua aktiviti di atas melibatkan pelajar-pelajar sesi pagi dan petang.

Akhir kata, kami bagi pihak persatuan mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pelajar yang telah banyak membantu menggerakkan dan menjayakan aktiviti-aktiviti persatuan ini. Tidak lupa juga kepada Encik Supyan, Ustazah Fauziah, Ustazah Kalsom, Ustaz Zawawi dan juga semua guru Islam, diucapkan jutaan terima kasih atas sokongan dan pengorbanan mereka kepada persatuan. Jazak Allahukhairan.

Wassalam.

Setiausaha,
AMRAN OTHMAN.

PERSATUAN PERDAGANGAN DAN PRINSIP PERAKAUNAN



Presiden: Leong Khai Cheong

Tertubuhnya persatuan ini ialah untuk tujuan menarik minat murid-murid sekolah ini dalam pelajaran perdagangan dan perakaunan dengan mendalam lagi.

Mesyuarat agung tahunan persatuan ini diadakan pada 19hb. Mac untuk memilih ahli jawatankuasa bagi tempoh 1987/88.

Aktiviti-aktiviti persatuan ini adalah seperti berikut:–

1. Mengadakan satu peraduan teka silang kata.

2. Mengadakan kuiz perdagangan bagi tingkatan 3, 4 dan 5.

3. Membuat beberapa lawatan sambil belajar ke Hong Kong Bank, Pelabuhan Kelang, Bank Negara.

4. Menjemput penceramah untuk memberi ceramah mengenai Perdagangan dan Perakaunan kepada murid-murid.

Akhir kata, saya selaku wakil persatuan ini ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas galakan serta tunjuk ajar yang telah diberikan oleh guru penasihat kami. Moga-moga persatuan kami akan berkembang.

PERSATUAN BAHASA DAN KEBUDAYAAN INDIA

Tujuan utama persatuan ini adalah untuk mengembangkan fahaman-fahaman dan kebudayaan serta memperbaiki mutu Bahasa Tamil di kalangan pelajar-pelajar India.

Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan pada 16hb. Januari, 1987 serrentak dengan perlantikan ahli-ahli jawatankuasa dari Tingkat Tiga dan Empat serta pengambilan ahli-ahli baru yang berjumlah 57 orang.

Sepanjang tahun ini beberapa aktiviti telah dijalankan seperti yang dirancangkan. Antaranya adalah:

1. Penjualan tiket loteri M.I.E.D (sebanyak seribu tiket).

2. Mengadakan pertandingan kuiz di antara sekolah-sekolah Menengah Wilayah Persekutuan.

3. Lawatan ke "Marathandhavar Kuil" di Maran, Pahang Darulmakmur dan ke Genting Highlands.

4. Pertandingan bolasepak 7-sebelah bagi sesi pagi.

5. Pertunjukan pentas yang berunsurkan kebudayaan India telah diadakan pada penggal kedua di mana berbagai acara telah dipertunjukkan.


6. Pertandingan bolasepak 7-sebelah bagi sesi petang.

7. Antara projek-projek kewangan yang dijalankan ialah:
   (a) Menjual buah-buahan semasa sukan tahunan sekolah
   (b) Penjualan "Book Marker"
   (c) Mengadakan tayangan film melalui video
   (d) Mengutip derma untuk Malaysian Hindu Saagam.

Akhir kata, saya bagi pihak persatuan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat kami iaitu En Arumugasamy T. Rajah, En. M. Kumaresen dan En. A. Veelurajan di atas bimbingan serta galakkan yang mereka berikan dan tidak ketinggalan juga, kepada ahli-ahli jawatankuasa serta ahli-ahli yang telah banyak memberi sokongan untuk menjayakan persatuan ini. Sekali lagi saya bagi pihak persatuan ini ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada ketua penasihat kami (En Arumugasamy T. Rajah) kerana melancarkan dan menjayakan penjualan tiket-tiket M.I.E.D. yang bertujuan menolong pelajar-pelajar Malaysia yang kurang bernasib baik dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada En. M. Kumaresen dan En. Maroj Kumar (Guru Sementara) yang telah membawa ahli-ahli persatuan kami dalam rombongan ke "Marathandhavan Kuil" di-Maran. Diharap persatuan ini akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun-tahun yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Setiausaha
R.S. NATHAN



PERSATUAN BAHASA CINA



Duduk (kiri):–
Chua Teong Miew, Chan Chee Hong
Teo Eng Soon (Presiden), Puan
Chew, Puan Hwang, Yap Tai Way,
Ng Chang Gee, Kor Jiann Yun.

Mesyuarat Agung Tahunan untuk memilih ahli jawatankuasa baru (87/88) telah diadakan pada 27.2.87. Pada tahun ini, persatuan kami mempunyai 239 orang ahli. Ia merupakan salah satu persatuan yang terbesar dan paling giat aktiviti-aktivitinya di sekolah kita.

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan:–

(a) Mengadakan Kelas Mengarang dan Kelas Drama.
(b) Menjual minuman pada Hari Sukan.
(c) Pertandingan Perbahasan.
(d) Pertandingan Simpulan Bahasa Cina.
(e) Mengadakan rombongan ke kilang F & N.
(f) Mengadakan ceramah mengenai teknik menjawab kertas Bahasa Cina untuk Peperiksaan S.R.P.

Aktiviti-aktiviti yang masih dalam rancangan adalah seperti yang berikut:–
(h) Pertandingan Mengarang.
(i) Pertandingan Syarahan.
(j) Kuiz Pengetahuan Am antara sekolah.
(k) Kuiz Kesusasteraan Bahasa Cina.
(l) Menerbitkan majalah persatuan "Heng Yuan" tahun 1987.
(m) Pertandingan Perbahasan Persahabatan antara sekolah.
(n) "Talent Time".

Selain daripada itu, ahli persatuan kami juga mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan luar sekolah iaitu:–
(a) Kuiz Kesusasteraan anjuran Gabungan Empat buah Persatuan Bahasa Cina. Wakil persatuan telah menduduki tempat yang keempat.
(b) Kuiz Kesusasteraan Bahasa Cina anjuran Gabungan Lima buah Sekolah di mana persatuan kami juga merupakan salah satu penganjur. Pasukan kami menjuarai pertandingan ini.
(c) Pertandingan Mengarang anjuran Gabungan Lima buah Sekolah.
(d) Pertandingan Drama anjuran Sek. Men. (P) Taman Petaling, Petaling Jaya.
(e) Pertandingan Kaligrafi anjuran Gabungan Lima buah Sekolah.

Akhir kata, saya bagi pihak persatuan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat iaitu, Puan Chew dan Puan Hwang atas segala tunjuk ajar dan nasihat mereka. Tidak ketinggalan juga, kepada semua ahli yang telah bekerjasama demi menjayakan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun ini.


Setiausaha,
KOR JIANN YUN


Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dalam tahun 1987



Mesyuarat ahli-ahli jawatankuasa sedang dijalankan.

Drama tradisional "Pao Ching Tian".





Derma kepada Tabung Pembangunan Sekolah.



Drama Moden "Gangster" Sentul.



Menyamar "Superstar" Anita Mui di Konsert.



Mencontohi iklan "Breeze Matic".



Drama bermuzik "Wonder of the night".

PERSATUAN SIKH

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penerbit majalah The Sentinel, Sek. Men. (L) Methodist Sentul kerana sudi memberi peluang kepada saya mencoret sedikit sebanyak mengenai aktiviti persatuan kami. Persatuan ini telah mengadakan mesyuarat agungnya pada 16hb Jan., 1987. Pada mesyuarat ini, ahli-ahli jawatankuasa persatuan telah dilantik untuk mengawal dan menyelenggarakan aktiviti-aktiviti persatuan kami.

Persatuan ini dikendalikan oleh 12 orang ahli jawatankuasa dan dibantu oleh 2 orang guru penasihat. Tujuan utama persatuan ini ditubuhkan untuk memupuk perasaan cinta dan taat setia terhadap bangsa dan agama sendiri di kalangan ahli-ahli persatuan.

Untuk mencapai matlamat persatuan ini, kami telah dan sedang menjalankan beberapa aktiviti. Diantaranya adalah seperti berikut:–

1. Mengadakan pertandingan kuiz di antara ahli-ahli persatuan untuk menguji kecekapan dan kepintaran ahli-ahli persatuan di dalam agama mereka.


2. Menjemput guru-guru pendidikan Sikh (GIANI) untuk memberi pengajaran kepada ahli-ahli tentang agama kami.

3. Mengadakan pertandingan karom di antara ahli-ahli.

4. Mengadakan peraduan menulis esei mengenai sejarah kaum Sikh untuk memperbaiki pengetahuan ahli-ahli mengenai sejarah kaum Sikh.

Akhir sekali, saya bagi pihak persatuan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Guru Besar, guru-guru penasihat iaitu En. Inder Singh dan En. Ragbir Singh dan juga tidak dilupakan ahli-ahli persatuan ini yang memberikan sumbangan dan bantuan mereka demi untuk menjayakan persatuan ini. Sekian.

Setiausaha
Charanjit Singh



Presiden: Jaspal Singh



Presiden: Phang Sing Yap

KELAB INTERACT

Jawatankuasa bagi separuh tahun 1987 yang pertama telah dipilih pada 20hb Mac. Dengan serta-merta kesemua 12 orang ahli jawatankuasa ini telah memulakan tugas masing-masing. Kami telah berjaya menambahkan bilangan keahlian dari jumlah 20an kepada hampir 50 orang.

Projek kami yang pertama ialah 'Sukan Interact' yang kami anjurkan bersama kelab Interact S.M. (P) Convent, Sentul dan SM (L) La Salle, Sentul. Ia telah diadakan pada 9hb Mei di kawasan sekolah SM (L) La Salle, Sentul. Dengan adanya 'Sukan Interact' ini, ahli-ahli kelab kami telah berpeluang bergaul mesra dengan ahli-ahli kelab Interact sekolah-sekolah lain.

Bagi kegiatan seterusnya, kami telah mengadakan projek mencuci kereta-kereta guru. Projek ini bertujuan memadatkan lagi tabung kewangan kelab kami.

Beberapa orang ahli kami telah dihantar ke 'Khemah Kotaraya' di Jalan Gurney untuk mengikuti seminar kepimpinan. Seminar ini dianjurkan oleh Kelab Rotary Daerah Gombak.

Hari Persefahaman Antarabangsa – Ahli-ahli kelab kami telah diundang untuk menghadiri Hari Persefahaman Antarabangsa kelab Interact sekolah lain. Hari Persefahaman Antarabangsa kami akan diadakan pada bulan Julai ataupun Ogos berserta dengan Hari Perlantikan ahli-ahli jawatankuasa baru. Kami juga telah diundang oleh kelab Rotary Daerah Gombak untuk menghadiri majlis perlantikan ahli jawatankuasa baru mereka pada malam 27hb Jun ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat, Cik Cheah, di atas semua nasihat, tunjuk ajar, dorongan serta dedikasi yang beliau curahkan. Semoga jawatankuasa baru akan bekerja keras untuk mengekalkan nama baik kelab ini dan seterusnya mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Penolong Setiausaha,
CHEW TEIK BOO

KELAB BIMBINGAN DAN KERJAYA

Kelab Bimbingan dan Kerjaya Sekolah Men. (Laki-laki) Methodist Sentul telah bergerak cergas sejak awal tahun lagi. Semua kegiatan yang dirancangkan dapat dijalankan dengan sempurna dengan adanya kerjasama daripada semua ahli yang berjumlah hampir 120 orang.

Tujuan kelab ini selain daripada memberi bimbingan kepada pelajar-pelajar dalam pemilihan kerjaya yang sesuai selepas tamat persekolahan ialah untuk memberi berbagai pendedahan kepada pelajar-pelajar dalam aspek-aspek pendidikan, kepimpinan dan lain-lain.

Aktiviti-aktiviti kelab diselenggarakan oleh Guru Penasihat, Puan Roslawati, 6 orang ahli jawatankuasa tertinggi dan 20 ahli jawatankuasa kecil iaitu jawatankuasa-jawatankuasa Lawatan, Projek, Ceramah dan Penerbitan.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan tahun ini ialah seperti berikut:–

1. Lawatan-lawatan ke MAS, HICOM, RTM dan Pelabuhan Kelang (untuk memberi pengetahuan/pendedahan kepada ahli-ahli tentang bidang-bidang dan peluang-peluang pekerjaan dalam sektor-sektor tersebut).

2. Projek Lencana Kelab.

3. Ceramah-ceramah untuk ahli-ahli.

4. Penerbitan makalah 'MABIKA'.

Selain daripada aktiviti-aktiviti kelab sekolah, kelab ini juga mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh Jawatankuasa Guru-guru Bimbingan dan Kaunseling bagi Zon Sentul. Antara aktiviti-aktiviti tersebut ialah:


– pertandingan poster dan buku skrap
– aktiviti-aktiviti ceramah
– pertandingan kuiz antara sekolah-sekolah di Zon Sentul
– minggu kerjaya Zon Sentul (pamiran, pertandingan, hobi, ceramah)
– penerbitan makalah bimbingan Zon

Bagi pihak ahli jawatankuasa kelab, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Penyelia dan Guru Penasihat Kelab, Puan Roslawati atas dorongan dan tunjuk ajar dalam menjayakan setiap aktiviti yang telah dirancangkan serta kepada semua ahli jawatankuasa yang begitu gigih menjalankan aktiviti-aktiviti.

Terima kasih.

Setiausaha
BAGHWAN SINGH





Presiden: Chok Kok Choon

KELAB SENI LUKIS

Tujuan penubuhan kelab ini adalah untuk meningkatkan taraf pencapaian ahli-ahli dalam bidang seni lukis.

Mesyuarat agung tahunan telah diadakan pada 14hb. Januari dan dipengerusikan oleh Cik Cheah dan En. Yam untuk melantik AJK baru. Perjumpaan telah diadakan dua minggu sekali selepas sekolah, iaitu pada hari Isnin dan Rabu bertempat di bilik lukisan. Seramai 38 orang pelajar dari tingkatan 3 hingga 5 telah diterima menjadi ahli baru kelab ini. Di samping itu, mesyuarat AJK diadakan sepanjang tahun bagi merancang kegiatan-kegiatan untuk tahun ini.


Di antara rancangan tahunan kami ialah:—

1. Mengadakan lawatan ke pameran lukisan di Daya Bumi.
2. Mencipta lencana kelab.
3. Malam perhimpunan dan pertunjukkan
4. Pertandingan melukis.
5. Mengadakan latihan melukis di luar sekolah.

Akhir kata, saya bagi pihak kelab ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat iaitu Cik Cheah dan En. Yam atas nasihat serta bimbingan mereka bagi menjayakan kelab ini. Semoga murid-murid akan tetap memberi sokongan untuk memajukan kelab ini pada masa depan.

Setiausaha,
CHEAH CHUN YEE

LAPORAN TAHUNAN KELAB MEMBACA 1987



Presiden: Thang Wai Tat

Tujuan utama kelab ini ditubuhkan ialah untuk memupuk minat membaca di kalangan pelajar-pelajar di sekolah ini serta mempertingkatkan pengetahuan am ahli-ahlinya. Semenjak penubuhannya pada tahun 1983, Kelab Membaca sentiasa berusaha untuk menolong para pelajar sekolah ini dalam hal-hal yang berkaitan dengan bidang akademik serta sastera. Selaras dengan usaha tersebut, sebuah perpustakaan mini telah ditubuhkan bagi memenuhi keperluan ahli-ahlinya. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalani pada tahun ini adalah pemulihan perpustakaan kelab iaitu kerja-kerja memperbaiki buku-buku yang telah koyak dan juga membeli lebih buku-buku bermanfaat untuk melengkapkan koleksi kita supaya perpustakaan ini dapat beroperasi dengan lebih cekap dan lancar. Kad-kad keahlian telah juga diperkenalkan kepada ahli-ahli kelab, tujuannya adalah untuk mengurangkan masalah pentadbiran kelab. Berikut adalah rancangan-rancangan yang telah disediakan bagi keseluruhan tahun ini:—

a) Peraduan mengarang esei serta peraduan teka-silang kata

b) Pertandingan perbahasan

c) Mengadakan rombongan ke British Council, Lincoln Resource Centre

d) Kuiz pengetahuan am dan sebagainya.

Sebelum mengakhiri laporan ini, saya sebagai wakil Kelab Membaca ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengetua sekolah dan juga penasihat-penasihat kelab, Cik Grace Chew dan Puan Nooraini ke-atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang diberi. Selamat membaca.

SETIAUSAHA
(Fong Siak Mun)

KELAB SENI PERUSAHAAN

Guru-guru Penasihat:– En. Cheang King Ting
En. Mohd Yamin
Pn. Robaniah

Ahli Jawatankuasa:–

Pengerusi:	Sukri Harun
Setiausaha:	Mohamad Shubqizam Abd Jalil
Bendahari:	Hazanuddin Sharom
Bil. Ahli:	30 orang

Tujuan kelab meningkatkan kemahiran dalam bidang teknikal.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:–

1. Projek Melarik Kayu
2. Projek Menekan Timbul Logam.
3. Projek Punaran.
4. Projek Treen.

Kelab Seni Perusahaan mengadakan lawatan sambil belajar di kilang-kilang berkaitan untuk meluaskan pengetahuan dan pengalaman.

Setiausaha
Mohd Shubqizam



Pengerusi: Sukri Harun


CHRISTIAN UNION

This society was formed to bring all Christian boys together for Christian Fellowship. Our fellowship has 23 members and hopes to expand in number for the coming year. The meetings are held on Fridays at 1.00 p.m. in 4 Arts 3 classroom. We would like to thank Rev. Suwito for gracing our meetings and for his invaluable enlightenment of the Bible.

We would like to thank Mrs. Lau Chong Kong too, for coming for our meetings and prayers. We would like to thank our advisors, Miss Lourdu Mary Raj for giving her full support to us and Miss Grace Chew for supplying the Read and Grow Bible every month. The society's activities included singing, Quiz, Bible Study, games, inviting speakers to talk on specific subjects, games and personal testimonies.

We also pray that by the grace of god, we will grow in number and sustain the Christian faith amongst us.

Guru Penasihat:	Miss Lourdu Mary Raj
Pengerusi:	Kennedy Kumar
Setiausaha:	Mohan
Bendahari:	Saravanan




LAPORAN KELAB CATUR 1987

Matlamat utama kelab ini ialah meninggikan taraf permainan catur dan menyemai minat bermain catur di kalangan pelajar-pelajar sekolah ini. Mesyuarat Agung telah diadakan pada penggal pertama di mana ahli-ahli jawatankuasa dipilih. Aktiviti-aktiviti kelab sepanjang tahun juga telah dibentangkan dalam mesyuarat ini. Satu pertandingan catur peringkat sekolah telah diadakan dalam penggal pertama untuk memilih pemain-pemain sekolah untuk Pertandingan MSSWP Daerah Sentul.


Dalam Pertandingan MSSWP Daerah Sentul pada penggal pertama, keputusan pasukan sekolah di-bawah 20 tahun adalah tidak begitu baik tetapi memuaskan. Pasukan sekolah di bawah 15 tahun pula telah membanggakan sekolah dengan pencapaian yang sungguh cemerlang apabila berjaya menjadi johan MSSWP Daerah Sentul untuk tahun yang kedua. Low Wai Choeng dari 3 Ferum dan Chung Chee Soong dari 2 Ferum telah mendapat tempat ketiga dan keempat dalam Pertandingan Individu MSSWP Daerah Sentul.

Pada Penggal Kedua, Kelab ini telah menjemput seorang jurulatih Christi Hon untuk melatih pelajar-pelajar sekolah ini. Kelas latihan ini telah disertai oleh 16 orang pelajar di mana sekolah telah menanggung yuran sebanyak separuh dari $20.00 yang dikenakan.

Akhir kata, saya sebagai wakil kelab, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah, guru-guru penasihat Pn Kong Nyuk Ching dan terutamanya Pn Lau Chong Kong yang telah banyak memberikan dorongan, sokongan serta masa untuk mempastikan kelicinan perjalanan Kelab ini.



Presiden: Thang Wai Tat



Presiden: Sailendra K. Sundram

LAPORAN KELAB KOMPUTER 1987

Penubuhan Kelab Komputer adalah untuk memperkenalkan penggunaan komputer di kalangan pelajar-pelajar dan juga untuk menanamkan minat mempelajari selok-belok tentang komputer serta untuk menambahkan pengetahuan pelajar-pelajar di bidang tersebut. Pada tahun ini, ahli jawatankuasa yang telah dilantik pada 1986 telah mengadakan kursus-kursus komputer seperti Dbase, Wordstar, Basic, Logo dan PFS. Kelab ini beroperasi dari hari Isnin sehingga hari Jumaat. Bayaran yuran untuk kursus-kursus ini telah dikurangkan sebanyak sepuluh ringgit seorang. Ahli-ahli kelab ini juga telah meningkat dari seratus lima puluh orang ahli kepada dua ratus lima puluh.

Pada tahun lalu, Kelab Komputer sekolah kita telah menyertai pertandingan di peringkat kebangsaan 'Best Managed Club' yang dianjurkan oleh The Star. Pada bulan November lalu, Kelab Komputer kita telah dipilih sebagai 'Best Managed Club' untuk bulan tersebut dan berjaya memenangi satu 'Spple Computer Compatible', jenis Apple IIe compatible. Pada awal tahun ini pula, Kelab Komputer sekolah kita telah memenangi tempat ketiga di peringkat kebangsaan dalam pertandingan 'Best Managed Club'.

Pada akhir penggal satu, lencana kelab komputer telah direka dengan bantuan komputer yang menggambarkan seorang pelajar yang sedang menggunakan komputer. Sambutan terhadap lencana tersebut dari pelajar-pelajar sungguh menggalakkan. Pada bulan Mei pula, Kelab Komputer sekolah kita juga telah mula menjual disket yang mempunyai logo baru Kelab Komputer sekolah kita dengan harga yang berpatutan iaitu $3.00.

Aktiviti-aktiviti kelab seperti 'Rental Hours' dan 'Video Show' telah diadakan pada tiap-tiap Jumaat bertujuan untuk mengutip wang bagi kegunaan Kelab Komputer sendiri, telah mendapat sambutan dan sokongan yang sungguh memuaskan dari pelajar-pelajar sekolah kami. Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti antara kelas juga telah dijalankan.

Akhir kata kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengetua kami, En. C.P. Wijayasuria dan En. Rama Rao selaku penasihat yang telah memberi sokongan dan nasihat kepada Kelab Komputer, juga tidak ketinggalan guru komputer kami, Cik Hayati Hassan yang telah memberi tunjuk ajar kepada semua ahli kelab, sokongan yang kita dapat dari pelajar-pelajar sekolah kami yang telah banyak menolong kami menjayakan aktiviti-aktiviti Kelab Komputer MBS Sentul.

Sekian, terima kasih.

Pemangku Setiausaha,
Aw Wai Choong.



KELAB SQUASH


Guru Penasihat:	En. Yam	
Pengerusi:	Hoi Teck Nang	5Sc 2
Setiausaha:	Phang Sing Yap	5Sc 1
Bendahari:	Teoh Hang Poh	5A 1

Satu perjumpaan untuk semua ahli-ahli telah diadakan oleh Kelab Squash pada 16hb Januari 1987. Tujuan perjumpaan ini ialah untuk memilih ahli-ahli jawatankuasa. Di samping itu, kami juga mengadakan mesyuarat pada setiap akhir bulan dan latihan pada setiap bulan.

Pada tahun ini, aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh Kelab Squash adalah seperti mengadakan pertandingan squash tertutup peringkat sekolah. Kami juga telah memilih 6 orang ahli untuk mengambil bahagian dalam pertandingan terbuka antara sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan.


Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat, En Yam dan Tuan Guru Besar yang telah bersama-sama berusaha untuk menjayakan kelab ini.

Setiausaha,
Phang Sing Yap 5Sc 1



Pasukan Tenis 1987
Ketua: Rosman bin Din

LAPORAN KELAB RENANG




Presiden: K. Gopinathan

Mesyuarat agung telah diadakan pada awal tahun untuk memilih ahli jawatankuasa. Tujuan kelab ini ialah untuk memberi peluang kepada ahli-ahli untuk belajar dan membuat latihan berenang. Keahlian tahun ini ialah seramai 70 orang. Latihan diadakan pada tiap-tiap Khamis pada pukul 2.30 hingga 5 petang di-Kolam Mandi Jalan Weld dengan En. Su Too Fong sebagai jurulatih kita. Yuran sebanyak $2 dikenakan pada ahli-ahli tiap-tiap bulan.


Akhir kata bagi pihak kelab ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami, En. Su Too Fong dan En. Rama Rao, yang telah memberi banyak tunjuk ajar kepada kami.

Setiausaha,
Phang Sing Yap



Kelab Karom
Presiden: Muhammad Nor Azam b. Kamaruzaman

LAPORAN AKTIVITI KELAB TAE KWAN DO



Presiden: Fong York Bok

Guru Penasihat:	En. Su Too Fong
Pengerusi:	Fong York Bok
Setiausaha:	Sooi Lim Wang
Bendahari:	See Kok Keong

Kelab ini mempunyai seramai 55 ahli yang terdiri daripada murid-murid sesi pagi dan sesi petang. Latihan diadakan sebanyak dua kali seminggu untuk setiap sesi.

Berlainan dengan tahun-tahun lepas di mana kelab ini hanya diadakan untuk murid sesi pagi tetapi pada tahun ini ia telah juga diadakan untuk murid sesi petang.

Pada 12hb Februari, pertandingan persahabatan kali yang pertama telah diadakan di Sekolah Menengah Raja Abdullah. Sebanyak lima buah sekolah telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Matlamat utama pertandingan ini ialah melahirkan ahli-ahli yang berkemampuan untuk berlatih di pusat latihan dan juga merapatkan persahabatan antara ahli-ahli kelima-lima buah sekolah itu. Dua peserta dari sekolah ini telah dipilih untuk menyertai latihan khas ini.

Pertandingan yang kedua telah diadakan di sekolah ini pada bulan Mac. Tujuan utama pertandingan kali ini ialah memilih ahli-ahli yang benar-benar layak untuk menyertai pertandingan M.S.S.W.P.

Pertandingan M.S.S.W.P ini telah berlangsung di Stadium Negara selama dua hari. Sekolah ini telah menghantar seramai lapan orang peserta untuk mewakili sekolah ini dalam pertandingan itu. Tiga peserta daripada lapan peserta telah berjaya menduduki tempat ketiga dalam bahagian "pattern". Mereka bertiga adalah Lee Eng Kun, Lee Eng Kah dan Wong Yew Seng.

Akhir kata, kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada guru penasihat kelab ini kerana telah berusaha membawa kejayaan kepada kelab ini. Saya berharap kelab ini bukan setakat mencapai kejayaan sahaja malah dapat memberi manfaat yang banyak kepada para pelajar sekolah ini demi untuk masa depan mereka yang penuh dengan cabaran.


Disediakan oleh,

Sooi Lim Wang
Setiausaha Kelab
Tae Kwan Do, MBS Sentul.





Yang Mengharumkan nama sekolah:—



Low Boon Chuan
8A dalam S.P.M. 1986



Gopinathan. Mewakili negeri untuk 1985, 1986, dan menang pingat perak dalam acara lari 16 km, Selangor Terbuka dan pingat gangsa dalam MSSWP.



K. Mahendra dan M. Tamilselvam mewakili negeri dalam M.S.S.M. di Kuala Terengganu.



Leong Chia Ching.
Menang pingat perak MSSWP untuk acara lompat kijang dan pingat gangsa dalam acara lontar peluru MSSWP




Gan Cheng Chuan
wakil negeri dalam permainan ping pong selama 3 tahun.



Phang Sing Yap
Kemahiran dalam berbagai sukan – olahraga (balingan dan lompatan), renang, squash dan bola tampar.



Junifar bin Suhut dan
Kaharuddin bin Shamsuddin (5 Sas 4) dipilih untuk mewakili negeri dalam permainan sepak takraw.



Zamri bin Shahahri
Johan syarahan agama Zon Sentul, Pingat perak dalam peringkat negeri.

TEMASYA SUKAN TAHUNAN KE 41

Tarikh : Hari Jumaat 6hb. Mac, 1987
Pukul 8.00 pagi
Tempat : Stadium Merdeka.

	Acara		Pemenang-pemenang	Masa	Rekod
1.	Lompat Jauh Kelas 1	1.	Teoh Han Poh (U)	5.51 M	5.95 (1975)
		2.	Mah Choon Kiang (M)		
		3.	Phang Sing Yap (M)		
2.	Lompat Jauh Kelas 2	1.	Chiam Yong Eu (B)	5.05 M	5.51 M (1986)
		2.	Sivakumar (H)		
		3.	Cheng Kwong ANN (B)		
3.	Lompat Jauh Kelas 3	1.	Leong Chia Ching (B)	4.64 M	–
		2.	Mohd Adnan (U)		
		3.	Ong Wah Soon (K)		
4.	Lompat Kijang Kelas 1	1.	Teoh Han Boon (K)	11.00 M	12.30 M (1968)
		2.	Phang Sing Yap (M)		
		3.	Yap Chee Tuck (H)		
5.	Lompat Kijang Kelas 2	1.	Cheam Yong Fu (B)	10.12 M	11.15 M (1964)
		2.	Ong Teck Ang (H)		
		3.	Yap Chee Wai (K)		
6.	Lompat Kijang Kelas 3	1.	Leong Chia Ching (B)	9.42 M	–
		2.	Lee Yee Heng (K)		
		3.	Bruce Lim (M)		
7.	Lontar Peluru Kelas 1	1.	Havinder Singh (M)	10.31 M	11.21 M (1966)
		2.	Silvester (B)		
		3.	David		
8.	Lontar Peluru Kelas 2	1.	Phang Seng Kee (K)	12.22 M	Rekod Baru
		2.	Ong Teck Ngan (H)		
		3.	Low Chee Keong (B)		
9.	Lontar Peluru Kelas 3	1.	Leong Chia Ching (B)	11.30 M	–
		2.	Ong Wah Soon (K)		
		3.	Mohd Hasni (M)		
10.	Lempar Cakera Kelas 1	1.	Havinder Singh (M)	27.06 M	27.80 M (1985)
		2.	Phang Sing Yap (M)		
		3.	Teoh Sai Chuan (K)		
11.	Lempar Cakera Kelas 2	1.	Yuen Tang Wai (H)	30.95 M	31.17 M (1985)
		2.	Phang Seng Kee (K)		
		3.	Ambarasam (U)		
12.	Acara Pengakap	1.	Patrol Singa		
		2.	Patrol Beruang		
		3.	Patrol Harimau		

	Acara PBSM	1.	Osman dan Lam Chee Seng		
		2.	Harris dan Norham		
		3.	Govindaraj dan Zakey		
13.	3000 meter terbuka	1.	Gopinathan (K)	9:52.7	Rekod Baru
		2.	Theagu (H)		
		3.	Tamil Selvam (H)		
14.	100 meter Kelas 1	1.	Teoh Hang Poh (U)	12.3	11.3 (1975)
		2.	Low Kok Kwang (K)		
		3.	Redzuan (U)		
15.	100 meter Kelas 2	1.	OH Chia Ong (B)	12.4	12.00 (1972)
		2.	Ong Teck Ngan (H)		
		3.	Teoh Kok Heng (U)		
	100 meter Kelas 3	1.	Goh Chong Giow (K)	13.1	12.5 (1980)
		2.	Chan Seng Wai (U)		
		3.	Mohd Lokman (B)		
17.	800 meter Kelas 1	1.	K. Gopinathan (K)	2:7.0	Rekod Baru
		2.	Elansegaran (B)		
		3.	Tamil Selvam (H)		
18.	800 meter Kelas 2	1.	Alex (K)	2:24.1	2:21.9 (1984)
		2.	Ambarasam (U)		
		3.	Sehar (M)		
19.	800 meter Kelas 3	1.	Bruce Lim (M)	2:36.5	–
		2.	Abd. Kadir (K)		
		3.	Theventharajan (K)		
20.	200 meter Kelas 1	1.	Teoh Han Poh (U)	25.5	24.0 (1980)
		2.	Lam Chee Seng (U)		
		3.	Chan Chee Hong (M)		
21.	200 meter Kelas 2	1.	Oh Chai Ong (B)	27.6	25.1 (1972)
		2.	Low Kok June (H)		
		3.	Teo Kok Heng (U)		
22.	200 meter Kelas 3	1.	Goh Chong Giow (K)	25.6	Rekod Baru
		2.	Tan Kim Meng (U)		
		3.	Mohd Lokman (B)		
23.	400 meter Kelas 1	1.	K. Gopinathan (K)	56.2	Rekod Baru
		2.	Nathan (B)		
		3.	Saravanan (K)		
24.	400 meter Kelas 2	1.	Oh Chai Ong (B)	60.7	58.7 (1985)
		2.	Teoh Kok Heng (U)		
		3.	Alex (K)		
25.	400 meter Kelas 3	1.	Goh Chong Giow (K)	64.3	63.8 (1985)
		2.	Selvakumar (H)		
		3.	Rosdi (H)		

26.	4 X 100 meter Kelas 1	1.	Ungu	50.8	48.6 (1984)
		2.	Hijau		
		3.	Merah		
27.	4 X 100 meter Kelas 2	1.	Hijau	51.7	50.8 (1981)
		2.	Biru		
		3.	Kuning		
28.	4 X 100 meter Kelas 3	1.	Ungu	56.2	55.6 (1980)
		2.	Biru		
		3.	Kuning		
29.	800 meter OBA	1.	N. Devarajan	2:26.2	1:54.8 (1981)
		2.	Jeny		
		3.	Wong Chee Wai		
30.	4 X 400 meter Kelas 1	1.	Kuning	3:54.0	Rekod Baru
		2.	Biru		
		3.	Hijau		
31.	4 X 400 meter Kelas 2	1.	Biru	4:08.0	Rekod Baru
		2.	Kuning		
		3.	Ungu		
32.	4 X 400 meter Kelas 3	1.	Biru	4:38.3	Rekod Baru
		2.	Kuning		
		3.	Merah		
33.	4 X 400 meter jemputan sekolah sekolah (B 20 tahun)	1.	MBS K.L.	47.4	–
		2.	MBS Sentul		
		3.	La Salle Sentul		
34.	Acara Pengawas Sekolah	1.	Chee Peng dan Teo Han Boon		
		2.	Amran dan Yap Chee Tuck		
		3.	Hock Leong dan Cheng Chuan		
35.	Acara Guru-guru	1.	Mohd Yamin dan Mohd Shariel		
		2.	Suhaimi dan Pn. Sasi Kala		
		3.	Mohd Noh dan Yam Fook Poh		

Johan Tahun 1987: Rumah Kuning



Kapten: K. Gopinathan

Keputusan Keseluruhan

Olahragawan Kelas 3	:	Goh Chong Giow
Olahragawan Kelas 2	:	Oh Chai Ong
Olahragawan Kelas 1	:	K. Gopinathan
Johan Rumah Kelas 3	:	Kuning
Johan Rumah Kelas 2	:	Biru
Johan Rumah Kelas 1	:	Kuning dan Merah
Johan Keseluruhan	:	Kuning

LARI BERGANTI-GANTI LEBUHRAYA 1987

A. Kelas 1

Pertama	:	Hijau
Kedua	:	Kuning
Ketiga	:	Merah

B. Kelas 2

Pertama	:	Ungu
Kedua	:	Merah
Ketiga	:	Kuning

C. Kelas 3

Pertama	:	Ungu
Kedua	:	Biru
Ketiga	:	Kuning

Johan keseluruhan : Kuning dan Ungu

PERTANDINGAN ANJURAN MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH WILAYAH PERSEKUTUAN

Berikut ialah kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh pasukan sekolah:

A. Permainan

1. Bolasepak
   a) Pasukan sekolah di bawah umur 18 tahun menjadi Johan Zon Sentul
   b) Pasukan sekolah di bawah umur 15 tahun menjadi Naib Johan Zon Sentul

2. Hoki
   a) Pasukan sekolah di bawah umur 18 tahun menjadi Johan Zon Sentul dan mendapat tempat keempat di peringkat Wilayah Persekutuan.

3. Catur
   a) Pasukan sekolah di bawah umur 15 tahun mendapat tempat Naib Johan Zon Sentul dan mencapai tempat keempat di peringkat Wilayah Persekutuan.

   b) Low Wai Cheong mendapat tempat ke 3 di peringkat Zon Sentul di dalam bahagian individu.

   c) Chung Chee Seong mendapat tempat ke 4 di peringkat Zon Sentul dan Wilayah Persekutuan di dalam bahagian individu.

4. Sepaktakraw
   a) Pasukan sekolah di bawah 18 tahun menjadi Naib Johan Zon Sentul dan mendapat tempat ke 3 di peringkat Wilayah Persekutuan.

5. Badminton
   a) Pasukan sekolah di bawah umur 18 tahun dan 15 tahun menjadi Naib Johan Zon Sentul.

   b) M. Ganesan dan Lee Kong San memasuki separuh akhir dalam acara perseorangan MSSWP

B. Olahraga Di Peringkat MSSWP.

1.	M. Tamilselvam	–	300 M Lari Berhalang	–	Emas
2.	K. Mahendran	–	1000 M Lari Berhalang	–	Emas
3.	Leong Chia Ching	–	Lompat Kijang (K 3)	–	Perak
			Lontar Peluru (K 3)	–	Gangsa
4.	K. Gopinathan	–	1500 M (K 1)	–	Gangsa
5.	Havinder Singh	–	Lempar Cakera (K 1)	–	Gangsa
6.	Phang Sing Yap	–	Baling Lembing (K 1)	–	Gangsa
7.	Mah Choon Kiang	–	Lompat Tinggi (K 1)	–	Gangsa

Berikut ialah murid-murid sekolah ini yang mewakili MSSWP ke pertandingan di peringkat MSSM:

1.	Chandrasegar	–	Olahraga
2.	M. Tamilselvam	–	Olahraga
3.	K. Mahendran	–	Olahraga
4.	Gan Cheng Chuan	–	Ping pong
5.	Khaaruddin b. Baharuddin	–	Sepaktakraw
6.	Junifar b. Suhut	–	Sepaktakraw


Olahragawan-olahragawan sekolah yang terbaik:

1.	K. Gopinathan	–	Olahraga
2.	Kaharuddin b. Baharuddin	–	Sepaktakraw
3.	Junifar bin Suhut	–	Sepaktakraw
4.	S. Saravanan	–	Hoki
5.	M. Tamilselvam	–	Olahraga
6.	K. Mahendran	–	Olahraga
7.	Shamsul Bahri b. Harun	–	Bolasepak
8.	Chandrasegar	–	Olahraga
9.	Phang Sing Yap	–	Pemain serba boleh
10.	Leong Chia Ching	–	Olahraga
11.	M. Ganesan	–	Badminton
12.	Lee Kong San	–	Badminton



Hari Sukan 1987

HARI SUKAN






Superstar MBS, Sentul Gopinathan



Beauty and The Beast.
?



Hey Brother, will this pose do?



Masuk kandang lagi!!




Jangan kesal, tahun depan boleh cuba lagi.



Ooh .....
So much food! Must watch my waist-line



Mak kata Colgate buat gigi saya bersih dan kuat ...
Betul tak?




Jejaka idaman.



Saya belum senyumlah. Nantilah.






"Majulah sukan untuk sukan."

Inilah Mohd. Yamin – melaporkan dari Stadium Merdeka





Tunggu lama-lama, satu kotak minuman pun tak dapat.



Okay, can I have my prize, now, Sir?



Let me tell you a secret, H.M. .....



I just bought my Levis jeans from town.



Si Badul Sentul sedang beraksi.




Acara terakhir ialah Pertandingan "The Most Sexy Legs"


RUMAH SUKAN



Rumah Merah. Kapten: Phang Sing Yap



Rumah Ungu. Kapten: Teoh Han Poh



Rumah Biru. Kapten: Tan Kim Ju



Rumah Hijau. Kapten: Raja Chandran


PASUKAN PERMAINAN



Sepak Takraw Bawah 18 tahun. Kapten: Kaharuddin bin Shamsudin.




Bola Tampar Bawah 18 tahun. Kapten: Phang Sing Yap




Sepak Takraw Bawah 15 tahun. Kapten: Mohammad Nor




Bola Tampar Bawah 15 tahun. Kapten: Lee Wai Kit



Hoki Bawah 18 tahun. Kapten: Saravanan




Badminton Bawah 18 tahun. Kapten: Ganesan




Hoki Bawah 15 tahun. Kapten: Shanmugam



Badminton Bawah 15 tahun. Kapten: Lee Kon Son




Bola sepak Bawah 18 tahun. Kepten: Silvester




Bola Sepak Bawah 15 tahun. Kepten: Ahmad Nizam



Pasukan Lari Berganti-ganti Lebuhraya.




Olahraga: Acara Padang dan Balapan



Pasukan Ping Pong. Kapten: Gan Cheng Chuan



Pasukan Olahraga Bawah 14 tahun



SIAPA TAHU APA ITU MASA?

Satu ketika dulu apabila waktu di Malaysia Barat 8 pagi, di Malaysia Timur pula pukul 8.30 pagi. Tetapi kemudian masa di Malaysia Barat telah disamakan dengan Malaysia Timur. Dimanakah perginya masa setengah jam itu? Kalau di Malaysia hari ini jam 2 petang, di Amerika pula baru jam 11 malam semalam. Dimana pergi masa? Lebih ketara lagi apabila kita dapati jam kita masing-masing menunjukkan waktu yang berbeza seminit dua. Benarkah 24 jam itu satu hari, 1 jam sama dengan 60 minit, dan 1 minit itu 60 saat?

Manusia pernah menggunakan bintang, bulan, matahari, siang dan malam untuk mengukur masa. Kemudian manusia mencipta alat yang kita kenali sebagai jam untuk mengukur masa. Pun begitu masa yang diukur masih belum "tepat" dan berbeza-beza. Masa 30 minit di Malaysia Barat hilang entah kemana setiap hari. Tempoh masa diantara waktu di Malaysia dengan Amerika pula bagaimana? Dan mengapa kita mesti membetulkan jam kita sekali-kala?

Hingga hari ini, belum ada seorang manusia pun yang dapat memberi takrif masa dengan tepat. Ada orang berpendapat bahawa masa itu emas dengan alasan bahwa masa itu sangat berharga. Tetapi mereka lupa bahwa jika ianya emas, maka sudah tentu masa itu boleh dijualbeli dan boleh dikumpulkan seperti harta sedangkan kita maklum bahwa masa yang berlalu tidak akan kembali semula. Air yang mengalir keluar dari paip akan masuk keparit dan seterusnya ke sungai dan kemudian dikumpulkan dan diproses semula untuk kegunaan harian. Tetapi masa tidak demikian.

Masa sentiasa berjalan. Detik demi detik, hari berganti hari, sebulan membawa ke setahun begitulah seterusnya. Seiring dengan itu umur kita juga bertambah yang memberi erti bertambah hampirlah kita kesaat kematian. Disinilah noktah perhentian masa hidup di dunia. Persoalannya sekarang ialah bagaimanakah caranya kita menggunakan masa yang ada sebelum tiba di noktah perhentian?

Seseorang yang bersedia "melabur" masa yang ada dengan sebaik-baiknya akan mendapat "saham" atau hasil yang baik di masa yang akan datang. Seorang pelajar yang rela melabur masanya dengan belajar bersungguh-sungguh disamping tekun membantu ibu-ayah tidak akan menyesal di kemudian hari. Ibubapa yang melabur masa dan tenaga dengan bekerja dan mengasuh anak dengan sebaik-baiknya juga akan mendapat hasil yang baik kelak. Seseorang yang memenuhi masanya dengan sesuatu yang berfaedah adalah merupakan orang-orang yang beruntung. Begitulah ringkasnya.

Tetapi pada lazimnya, kebanyakan manusia termasuk penuntut-penuntut tidak memperhatikan prinsip ini diwaktu usia muda dan dikala tubuh sedang sihat. Kebanyakan kita lebih gembira menghabiskan masa dengan pergi ketempat-tempat hiburan dan keramaian yang melekakan serta membuang masa dengan berbual-bual kosong, berpeleseran di kompleks-kompleks, mendengar musik atau bermain-main berjam-jam. Apalah salahnya kalau masa-masa yang terluang dipenuhkan dengan sesuatu yang dapat merapatkan hubungan keluarga, hubungan jiran dan masyarakat, menambahkan pengetahuan, mencari pendapatan sampingan, menyertai aktiviti-aktiviti atau program anjuran kelab, pertubuhan, dan persatuan yang dapat memberi kebaikan kepada diri kita, keluarga, dan masyarakat? Malah banyak lagi yang dapat kita lakukan untuk kebaikan bersama jika kita tahu apa erti masa dan menghargai masa. Dikala usia sudah meningkat dan diketika tubuh kurang sihat, masa yang berlalu tidak guna di kenang kembali. . . . . .

SAAT MENGAMBIL KEPUTUSAN

Malam telah merangkak ke penghujungnya. Kegelapan menyelubungi sekelilingku. Segala bunyi bagai lenyap dari bumi, yang tinggal cuma detikan jam yang berterusan. Namun mataku masih belum lelap. Kekusutan fikiranku yang kian terjerut itu menyengkang mataku dari tidur. Oh, sampai bila dapatku menenangkan sukmaku?

Wajah pemimpin pengakap dari Kepong masih jelas kelihatan di depan mata. Aku teringat-ingat kata-katanya. Dia mahu aku pergi berkhemah. Dia mahu aku mengatasi cabaran itu dan memasuki Pasukan Pengakap Remaja Daerah Kepong. Begitu juga keinginan pemimpin kumpulanku sendiri dan pengakap-pengakap lain dari tingkatan lima, walaupun mereka tidak berkata dengan terus-terang. Memang aku faham keahlian dalam pasukan tersebut membawa kehormatan. Sebenarnya aku memang berhasrat untuk memasuki pasukan tersebut. Tetapi apatah dayaku sekarang?

Jika aku mahu keahlian itu, terpaksaku menyertai perkhemahan hari lusa. Tetapi aku baru sahaja pulang dari perkhemahan di Taman Rimba Templer semalam. Tambahan pula aku telah banyak ketinggalan dalam pelajaranku. Aku sentiasa teringat-ingat tarikh peperiksaan pertengahan tahun. Cuma sepuluh hari lagi akan menjelang tiba. Aku harus menggunakan setiap saat yang tinggal dalam masa cuti penggal ini untuk belajar! Ya, belajar, belajar dari awal pagi hingga ke larut malam. Dalam masa cuti ini tidak harus kulakukan apa-apa selain daripada persediaan untuk peperiksaan.

Keputusan peperiksaan memang penting bagiku. Aku tidak pernah gagal. Aku tidak mahu meratapi dakwat merah yang menjelma di buku laporanku, walau setitik pun. Pernah kujanji tidak akan kuhampakan orang tuaku, tidak akan kukecewakan guru-guruku. Aku faham betapa beratnya harapan yang terpikul di bahuku. Maklumlah aku ini anak sulung!

Detikan jam masih berterusan. Fikiranku tetap berkeliaran. Sanggupkah kugadaikan keputusan peperiksaanku untuk keahlian dalam Pasukan Pengakap Remaja? Aku memang ghairah dengan aktiviti dan keseronokan memasuki pasukan tersebut. Aku tahu banyak kemahiran dan pengetahuan yang dapat kubelajar. Mungkin juga aku berpeluang untuk lulus sebagai Pengakap Diraja. Wah! Begitu mempesonakan! Tetapi bukankah peperiksaan itu lebih penting? Keputusan peperiksaanlah yang menentukan masa depanku. Sama ada kudapat memasuki universiti ataupun tercicir dari pelajaran, bergantunglah kepada keputusan peperiksaan. Nampaknya aku terpaksa memilih antara kegembiraan masa kini dengan nasib masa depan.

Tiba-tiba aku tersentak. Kenapakah aku yang jadi mangsa antara pemilihan? Tiada kawanku yang lain pernah menempuh dilema begini. Aku merenung sejenak. Mereka mengutamakan pelajaran. Bagi mereka, pelajaran itu penentu nasib. Walau bagaimana seronoknya aktiviti luar bilik darjah, ia tetap sebagai satu gerakerja yang tiada kaitan dengan pelajaran. Kenapa tidak kuikut corak mereka?

Akhirnya aku mengambil keputusan. Hendak berseronok biarlah ada masanya. Pelajaran itu lebih penting. Aku faham tiada sesiapa yang akan memarahiku jika aku tidak memasuki Pasukan Pengakap Remaja. Kalau ada pun, pemimpinku dan pengakap-pengakap lain cuma akan menyesali keputusanku sahaja. Tetapi apakah yang dapat kulakukan? Aku juga bersedih kerana melepaskan peluang ini. Bagaimanapun inilah hakikat. Sebagai manusia yang waras fikirannya, aku harus mengutamakan masa depanku dan harapan keluargaku. Aku sudahpun puas hati dapat berada di kumpulan pengakap sekolah sendiri.

Biarlah aku tidur sekarang. Aku akan menelefon pemimpinku esok dan memberitahunya keputusanku. Apa tindakannya tidak penting, yang penting ialah aku telah mengambil keputusan sendiri setelah membuat pertimbangan semalam suntuk. Bagiku inilah dia keputusan, jika tidak "betul", sekurang-kurangnya ia lebih "bijak".

Hasil karya,
TEO ENG SOON 4Sc1.

TEMAN SEPERJUANGAN

teman . . . . . .
apa gunanya kau membuang masa
bukankah baik buku dijadikan teman
ketekunan dijadikan kunci
kesabaran dijadikan kamar
agar kejayaan menjadi milikmu
keringat ayah dan bonda tercinta
usah kau persia-siakan
menara gading menjadi harapan mereka
supaya kau menentap di sana
segulung ijazah penebus keringat
sekeping potret menjadi kebanggaan
anak tersayang telah berjaya
mnemebus penderitaan selama ini
itulah impian mereka
kepada mu wahai temanku
sanggupkah kau melihat
mereka terdampar
menahan segala kekecewaan
dan impian mereka itu
hanyalah kosong belaka
seperti debu ditiup bayu
setelah keringat mereka tumpah
semata-mata kerana dirimu wahai teman
sanggupkah kau menghampakan mereka . . . . . .?

(MOHD SHUKRI BIN HASSAN)*(5 SASTERA 2)*(1987)

BIRU RINDUKU PADAMU IBU

Mega senja di ufuk barat
Amat mengashikkan, pancainderaku berterbangan
Begitu menyayukan perasaanku
Di saat-saat Beginilah selalunya
Aku terkenang padamu ibu
Terasakan diri ini
Seperti pengembara di tanah gersang
Mencari lopak-lopak air penghilang dahaga
Apakah aku benar-benar pengembara
Mengembara bersama kebiruan rindu
Membawa kemerahan rasa
Sedangkan ibu . . . . . .
Apakah ketandusan bicara . . . . . ?
Kematian ilham . . . . . .?
Aku menyedari kini . . . . . .
Kebiruan rinduku padamu ibu.

Nukilan oleh:
(SHURAINI HUSSIN)*(5 SASTERA 1)

SUMPAH ANAK WATAN

Kawan . . . . . .
Kini bukanlah masa berpangku tangan
Atau duduk menyusun kata
Menatap wajah-wajah senja
Bersama impian menggunung
Dibawah lembayung kecekalan
Kita gempur bintang tiga dan bendera merah
Yang ketagih dengan darah
Biarpun api yang membakar
Lahir dari ciptaan mereka sendiri
Ayuh kawanku . . . . . .
Teruskan arah langkah mu
Hancurkan pertualang bangsa
Biar mayat dan tulang mereka
Kita tanam di bawah nama kemenangan
Pertahankanlah bumi merdekamu
Kedaulatan bumi merdeka
Perpaduan di celah pecahan bintang
Keberanian di sisi jaluran merah
Dan kesucian hatimu lahir bersama jalur putih
Teguhkan pendirianmu . . . . . .
Biar rasa cinta lahir di sanubarimu
Ibaratkan dirimu sebagai perisai negara
Jangan biarkan dirimu mudah terubah
Oleh bayangan kepalsuan
Mengaburi matamu dengan kebendaan
Darjah, Kemewahan dan Kepuraan.

Nukilan:
MOHD SHUKRI BIN HASSAN.
5 Sastera 2

SAHABAT

Bersama deruan angin malam
Bersama titisan embun dinihari
Bersama senyuman manismu yang terukir mesra
Kau hadir dalam mimpiku

Tanpa sinaran cahaya rembulan di malam hari
Tanpa kerlipan bintang-bintang di langit
Tanpa warkah-warkah indah darimu
Aku terkenang saat gembira bersamamu

Dari segenap sudut mana sekalipun
Dari sudut pandangan mana sekalipun
Dari puncak Kinabalu sekalipun kau lihat diriku
Kau tetap sahabat karibku

Walaupun kita tidak sering bersama
Walaupun kita sentiasa berjauhan
Walaupun kita tidak sehaluan
Kita akan tetap bersahabat walaupun ke akhir hayat

Kejujuran dan kesetiaan dalam persahabatan
Kejujuran itulah kunci persahabatan kita
Kejujuran juga pegangan kita
Itulah janji antara kau dan aku

Hasil Nukilan
Mohd. Suhaimi Dahari
4 Arts 3

BICARA AKHIR

MBS . . . . . Kaulah cahaya gemerlapan,
menerangi kegelapan masa depanku,
pendorong kemajuan . . . . . .kemajuan diriku.

Entah berapa purnama bersamamu sudah,
Oh! alangkah besar budimu padaku.

Kau menerima segala yang mendatang,
dari segenap lapisan,
tanpa bicara yang memanjang.

Kau penentu bintang hidup,
yang jadi impian dan idaman,
setiap insan bergelar pelajar.

Kini tabuh hampir bergema,
bersamamu hanya seketika
lantas kau lepaskan dakapanmu.

Pemergian belum menentu,
arah mana yang pastiku tuju???

Namun kau tetap dengan tanggungjawabmu,
menerima dan memberi,
tanpa bosan juga jemu,

Akan ku kenangmu di hari nanti,
tempat semu kasihmu. . . . . .kasihku.

Oh!!! Sayonara MBS . . . . . .

Hasil nukilan,
ABDUL RAZAK
5 Sastera 2

PERMANDANGAN DI TEPI PANTAI PADA WAKTU SENJA

Pada petang itu, aku berjalan menyusur Pantai Desaru yang terserilah indah itu. Cuaca sungguh nyaman. Angin bertiup sepoi-sepoi bahasa. Warna kemerah-merahan matahari yang terbenam perlahan-lahan ke dasar laut menyebabkan keadaan menjadi begitu hening sekali. Permukaan air laut yang berkilau-kilau amat mempersonakan. Ombak berkejar-kejaran ke tepi pantai. Apabila sampai ke tepi pantai, ombak itu pun pecah, buihnya menjamah pantai pasir yang putih dan halus itu.

Desiran daun kelapa ditiup angin amat merdu bunyinya. Burung-burung yang berkicauan dan terbang berkawan-kawan menuju ke arah tertentu. Mungkin hendak balik ke sarang mereka. Tetapi masih ada beberapa ekor burung berkeliaran di permukaan laut dan sekali-sekala hendak menjunam ke dalam laut untuk menangkap ikan. Nampaknya, burung itu masih lapar dan tidak mahu pulang.

Terdapat beberapa orang duduk di atas batu kerang di tepi pantai. Ada yang memancing ikan dan ada yang menunggu suaminya. Perhatianku tertumpu kepada sekumpulan kanak-kanak yang sedang berkejar-kejaran dan mencari karang, menyebabkan aku terkenangkan peristiwa-peristiwa yang lalu sewaktu aku kecil.

Tidak lama kemudian, sampan-sampan dan perahu nelayan yang berada di tengah-tengah laut menuju ke tepi pantai. Wanita-wanita yang sedang menunggu suaminya kelihatan terukir senyuman yang manis pada wajah mereka.

Dalam masa yang singkat sahaja, matahari hampir terbenam, kelihatan matahari terhoyang-hayang di tengah-tengah laut. Cahaya matahari yang merah-merahan itu telah menjadi gelap keungu-unguan. Kegelapan mulai menyelubungi alam semasta, ketika itu, aku baru sedar dari lamunan lalu berlangkah pulang ke rumah.

Oleh: TEO ENG SENG
3 Ferrum

MELENTUR AUR BIARLAH DARI REBUNGNYA

Tidak dapat dinafikan kebenaran peribahasa, melentur aur biarlah dari rebungnya. Khususnya dalam pergolakan dunia kini. Pertumbuhan sosial, mental dan fizikal setiap manusia tumbuh dengan suburnya ketika ia masih kecil. Oleh demikian, ibu bapa patut mendidik anak-anak biarlah dari kecil, jika sudah dewasa amat sukar dididik kerana fikiran mereka telah mencabar dan matang serta mudah dipengaruh oleh masyarakat sekeliling.

Dalam hubungan ini, ibu bapa memainkan peranan penting sekali. Anak-anak yang dilahirkan, ibarat sehelai kain putih. Jadi, ibu bapa wajib mewarnakannya atau mendidikkannya dengan cara yang betul agar anak itu menjadi manusia yang penuh dengan nilai-nilai keperibadian yang tinggi serta akan menjadi rakyat yang berguna kepada bangsa dan negara. Oleh itu, kepimpinan melalui tauladan amatlah sesuai sekali diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anaknya. Tepat, bapa borek, anak rintik, bagaimana acuan begitulah kuihnya. Andainya, ibu bapanya bersifat seperti ketam menyuruh anaknya berjalan dengan betul, sudah tentu anak itu akan menjadi liar dan ganas ketika ia dewasa nanti.

Waktu kecil-kecil lagi, si anak itu diasuh agar mempunyai peribadi yang mulia dan tinggi. Ia haruslah dibaja dengan budi bahasa yang halus dan murni. Hormat menghormati golongan yang lebih tua, bersopan-santun dan berdisiplin adalah asas pendidikan yang mulia patut diberikan oleh ibu bapanya. Pihak ibu bapa patutlah bersikap tegas dan tidak sepatutnya terlalu memanjakan anaknya. Sekiranya para ibu bapa bertindak sedemikian rupa si anak mereka akan menjadi lemah peribadinya dan tidak akan tegas pendiriannya apabila ia dewasa kelak. Kasih sayang dan belaian manja, perlu diberi tetapi hendaklah berpatutan. Andainya melampau batas, akibatnya buruk padahnya.

Sikap anak-anak ialah cepat meniru dan mengikut. Jadi ibu bapa hendaklah menunjukkan contoh-contoh yang baik agar diikuti oleh mereka. Tetapi kini, pengaruh luar amat berkesan sekali. Anak-anak muda mudah terlibat dengan dadah, ponteng sekolah dan belajar mencuri dan seribu macam kejadian akan berlaku. Oleh itu sikap tegas dan berani perlu ada pada hati ibu bapa dalam memberikan tunjuk ajar ini. Jika tidak, lahirlah masyarakat dan rakyat yang mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir buruk.

Tegasnya, jika perlu mendidik seseorang biarlah waktu kecil, jangan ditunggu ketika ia sudah dewasa. Apabila nasi sudah menjadi bubur, tiada apa yang boleh dibaiki lagi.

OLEH CHONG KIAN SOON
(3 FERRUM)

MATAPELAJARAN TATARAKYAT ADALAH BERFAEDAH BAGI SESEORANG MURID SEKOLAH

Orang-orang pada zaman tradisional amat menitikberatkan adat resam mereka, terutamanya dari segi kesopanan dan kesusilaan. Perkara-perkara ini dapat dilihat daripada buku-buku sejarah yang berkenaan dengan kebudayaan.

Kini, murid-murid mendapat pendidikan ini terutamanya melalui matapelajaran Tatarakyat. Dalam Rukunegara kita, prinsip kesopanan dan kesusilaan ada termaktub di dalamnya. Ini telah menunjukkan kepentingan kesopanan dan membuktikan bahawa ia adalah sangat mustahak untuk menjalin perpaduan masyarakat kita. Untuk menyemaikan semangat sopan-santun di kalangan belia, kerajaan telah mewajibkan matapelajaran Tatarakyat di sekolah-sekolah.

Dalam matapelajaran Tatarakyat terdapat pengetahuan-pengetahuan am seperti kemasyarakatan, kebudayaan, kesasteraan dan seumpamanya. Dengan pendidikan-pendidikan tersebut, kesedaran sivik akan terwujud di kalangan belia dan ini akan memimpin mereka menuju ke arah yang terang. Tanpa kesedaran sivik, kehidupan mereka adalah seperti meraba-raba dalam keadaan gelap-gelita. Oleh yang demikian, matapelajaran Tatarakyat boleh disifatkan sebagai penggerak utama bagi memimpin murid dan juga diibaratkan sebagai satu pelita yang berkhidmat menyuluh masa depan seseorang murid.

Jika pendidikan sivik tidak diamalkan di sekolah-sekolah, adalah mustahil bagi murid-murid yang berfikiran kurang matang untuk mendisiplinkan diri-sendiri. Mereka akan kekurangan pengetahuan mengenai kemasyarakatan dan menyebabkan mereka tersisih daripada masyarakat. Pendekata, matapelajaran Tatarakyat adalah jambatan ke dunia pengetahuan kemasyarakatan. Kita hendaklah meniti jambatan ini sehingga mencapai sasaran kita.

Murid-murid yang tidak mempunyai kesedaran sivik mungkin akan membahayakan masyarakat pada masa yang akan datang. Mereka akan melakukan perbuatan-perbuatan maksiat seperti berbohong, bergaduh, mencuri, biadab dan sebagainya. Apabila mereka dewasa, kelakuan mereka mungkin akan menjadi lebih teruk sehingga membunuh dan merompak. Kehidupan mereka pada akhirnya akan terumbang-ambing tanpa tujuan dan pegangan. Perbuatan yang melampaui batas-batas susila ini patutlah dikurangkan. Hanya kesedaran sivik yang dapat menyekat perbuatan maksiat ini daripada 'menular'. Kerjasama daripada guru-guru adalah juga amat diperlukan dalam perlaksanaan ini.

Bagi murid-murid yang mengikuti pendidikan tatarakyat, kehidupan mereka tentulah amat bermakna. Mereka akan dipandang tinggi oleh murid-murid, mahupun cikgu dan orang-orang lain. Dengan kesedaran sivik, mereka akan mengenal kelemahan diri dan cuba memperbaikinya. Oleh sebab itu, perbuatan-perbuatan maksiat yang dikutuk tuhan itu tentu akan berkurangan.

Daripada faktor-faktor di atas, kita dapati bahawa pengaruh pendidikan matapelajaran Tatarakyat adalah sangat ketara dan patut dipupuk di kalangan belia. Pendidikan sivik akan mencurahkan warna hidup kemasyarakatan kepada murid-murid dan meimpin mereka ke arah yang terang-benderang.

WONG WENG SING
3 Ferrum

INDUSTRI PELANCONGAN DI MALAYSIA

Dewasa ini, kebanyakan negara di dunia telah menjadikan pelancongan sebagai salah satu industri utama untuk menambahkan hasil pendapatan negara. Negara-negara maju dan sedang membangun, masing-masing sedang bersaing untuk menarik pelancong-pelancong ke negara mereka.

Di negara-negara Barat misalnya di Switzerland, industri pelancongan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan ekonomi negara itu. Begitu juga negara-negara lain di sini, di mana berjuta-juta pelancong ke pusat-pusat pelancongan yang mashyur seperti di Pulau Hawaii, California, Miami, London dan lain-lain. Kegiatan melancong di kalangan manusia wujud kerana ia telah menjadi lumrah dalam kehidupan seseorang insan untuk melawat ke tempat-tempat lain di dunia bagi melihat dan menikmati keindahan alam semulajadi serta mempelajari adat-istiadat dan kesenian negara lain.

Pada masa ini, jelas kelihatan pihak kerajaan kita sedang berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan di rantau Asia Tenggara. Sebelum ini, industri pelancongan tidak diberi inisiatif kerana pihak pemerintah menganggap bahwa hasil tunjangan negara boleh menstabilkan ekonominya. Dizaman kemelesetan ekonomi ini, Malaysia juga turut menjadi mangsa kepadanya. Justeru itu, kerajaan telah bercadang untuk menggiatkan lagi industri tanpa cerobong ini bagi meningkatkan hasil pendapatan negara dan memperbanyakkan pertukaran wang asing serta untuk menstabilkan ekonomi negara. Kerajaan juga telah mendapati bahawa sektor ini sangat berpotensi di mana pihak pemerintah memperolehi sebanyak $800 juta hasil daripada industri pelancongan dalam bentuk pertukaran wang asing pada tahun 1981.

Kajian juga menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai potensi besar untuk menjadi pusat pelancongan, kerana kedudukannya yang strategik dan istimewa dan berhampiran dengan garisan Khatulistiwa. Lantas itu, iklim yang panas dan lembap sepanjang tahun amat menggalakkan tumbesaran pokok-pokok malar hijau yang secara tidak langsung memikat tumpuan para pencinta alam. Demikian juga cuacanya yang panas sangat digemari di kalangan pelancong-pelancong dari negara-negara beriklim sejuk. Di samping itu, kerajaan juga tidak ketinggalan dengan bantuan pihak swasta sedang berusaha sedaya-upaya untuk membangunkan beberapa tempat yang menarik di Malaysia sebagai pusat pelancongan. Di antaranya adalah seperti Pulau Langkawi (yang telah dimajukan dan diiktirafkan sebagai pusat pelancongan bebas cukai mulai tahun ini), Rantau Abang Beach Resort, Desaru, Tanah Tinggi Genting dan lain-lain lagi.

Ciri-ciri alam semulajadi dan pembabitan kerajaan dalam membangunkan industri pelancongan di-Malaysia yang disebutkan di atas masih tidak mencukupi kerana ia masih dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Misalnya kita mestilah memberikan layanan yang baik kepada para pelancong yang datang melawat kenegara kita dan tempat penginapan mereka pula seperti hotel-hotel perlulah memberikan keselesaan sepanjang lawatan pelancong itu.

Pemaju-pemaju hotel juga perlu menetapkan bayaran yang berpatutan iaitu tidak terlalu tinggi kerana bukan kesemua pelancong itu kaya belaka, manakala sistem pengangkutan dan perhubungan yang cekap perlu untuk membawa pelancong-pelancong dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Pegawai-pegawai pelancong yang ditugaskan untuk memberi penerangan mestilah memberi penerangan yang jelas dan betul serta bersikap sopan-santun terhadap para pelancong. Selain daripada itu, kestabilan politik di negara kita juga perlulah dikekalkan kerana ia sering menjadi bahan perhitungan para pelancong.

Faktor-faktor ini perlulah dititikberatkan jika Malaysia ingin maju dalam industri pelancongan. Bagi negara kita, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) yang telah ditubuhkan pada 10 Ogos 1972, menggantikan Jabatan Pelancongan amat memberangsangkan kerana badan ini telah menjalankan pelbagai usaha untuk mengenal pasti tempat-tempat menarik di seluruh negara dan memperkenalkannya kepada para pelancong baik dari luar negeri mahupun dalam negeri. Sebenarnya disedari atau tidak negara kita belum dikenali seperti negara-negara lain di dunia. Oleh itu, akhir-akhir ini pihak TDC telah mengambil langkah bagi memperkenalkan Malaysia secukupnya. Ini adalah perlu bagi menarik pelancong-pelancong dari rantau tertentu.

Satu perkembangan sihat ialah industri ini telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan di zaman kemuncak pengangguran ini serta menambahkan hasil pendapatan syarikat penerbangan, pengangkutan, pengusaha-pengusaha hotel, agensi-agensi pelancongan dan lain-lain. Lantas itu, dengan sekaligus telah menambahkan pertukaran wang asing kepada negara. Di samping itu, industri pelancongan juga telah bertanggungjawab untuk menggerakkan industri hotel yang tidak mendapat sambutan dari rakyat tempatan sedikit masa dulu. Akhir-akhir ini perusahaan membuat batik, songket, peralatan tembaga, barang-barang anyaman dan sebagainya kian maju serentak dengan projek pembangunan pelancongan. Secara tidak langsung, industri pelancongan telah menjadi komponen utama dalam mengurangkan jurang ekonomi antara kawasan perindustrian yang utama dengan kawasan bukan industri dalam negara kita. Tidak syak lagi, industri pelancongan memainkan peranan yang penting dalam perlaksanaan dasar kerajaan untuk membasmi kemiskinan melalui program Dasar Ekonomi Baru.

Sebagaimana yang dimaklumi, bak kata orang 'tak kenal maka tak cinta'. Oleh itu, untuk mencapai impian kerajaan kita bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan, pengiklanan adalah perlu sama ada melalui agensi-agensi pelancongan, kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri, media massa ataupun mengadakan persidangan-persidangan serta menganjurkan pertandingan-pertandingan sukan antarabangsa.

Sebenarnya usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan tidak hanya terletak dalam tangan kerajaan atau pihak swasta sahaja. Tetapi perhatian harus ditumpukan kepada setiap individu supaya mereka bersikap ramah-tamah dan jujur kepada para pelancong yang mereka temui. Di samping itu, rakyat haruslah berganding bahu dengan kerajaan dalam membersih serta mengindahkan negara kita. Setiap individu juga mestilah memelihara hartabenda awam dan bangunan-bangunan yang lama dan bersejarah bagi mengekalkan lambang sejarah silam di negara kita. ini.

Industri pelancongan di negara kita tidak semestinya gergantung kepada pelancong-pelancong dari luar negeri sahaja. Sebaliknya pelancong-pelancong tempatan iaitu rakyat di negara ini sendiri perlu didedahkan dengan rupa dan kebudayaan terutamanya di antara penduduk di Semenanjung Malaysia dengan penduduk di Sabah dan Sarawak. Ini bukan sahaja menambahkan pengetahuan mereka, tetapi lebih penting dapat mengeratkan perpaduan serta memanuhi hasrat kerajaan untuk mewujudkan Integrasi Nasional Malaysia.

Akhir sekali, kita dapat membuat kesimpulan bahawa industri pelancongan mempunyai masa hadapan yang cerah. Justeru itu, untuk memajukannya haruslah mendapat kerjasama dan sokongan dari semua pihak.

P. SARAVANAN
(5 SAINS 1)

GEJALA PELAJAR-PELAJAR MENGHISAP ROKOK DAN AKIBAT BURUKNYA

Perbuatan menghisap rokok di kalangan pelajar khususnya di sekolah menengah merupakan satu gejala keruntuhan moral. Perbuatan menghisap rokok boleh menimbulkan ketagihan. Pelajar yang terlibat akan berusaha mendapatkannya walaupun dalam keadaan yang sukar. Tempat menghisapnya bukanlah lagi terhad di luar kawasan sekolah, malah sudah ada yang berani melakukannya di sekolah.

Mereka yang merokok menganggap bahawa perokok sebenarnya telah mencapai apa yang disebut sebagai "kedewasaan" matang pemikiran. Ekoran anggapan tersebut telah mendorong pelajar menghisapnya supaya mereka dianggap sudah matang pemikirannya. Ada pula beranggapan bahawa orang yang merokok mempunyai darjat sosial yang tinggi jika dibandingkan dengan orang yang tidak merokok. Satu sebab lagi mengapa pelajar mudah melibatkan diri dengannya ialah untuk mencari ilham dan ingin mendapatkan ketekunan dalam pelajaran. Mereka berpendapat dengan merokok, fikirannya akan menjadi tenang dan membolehkan mereka menumpukan perhatian yang baik di dalam pelajaran.

Apa pun alasan diberikan oleh mereka namun perbuatan tersebut tetap merbahayakan, terutamanya dari segi kesihatan dan sosial. Pelajar yang terlibat akan mendapati diri mereka berasa letih dan bosan untuk belajar. Mereka akan merasa ketagzhan dan mengantuk, jika tidak menghisabnya. Jadi, dalam saat-saat yang genting ini, mereka akan melakukan apa saja asalkan keinginan tercapai. Mereka akan mencuri rokok atau wang, meminta dari kawan, menghisap baki rokok yang dijumpai dan sebagainya. Penghujung dari ketagihan tersebut ialah melibatkan diri dengan dadah. Perkara ini sungguh membimbangkan semua pihak, tambahan pula, jika ianya seorang yang bakal menjadi pemimpin. Penglibatan mereka boleh menimbulkan pelbagai masalah keluarga dan masyarakat disebabkan gejala sosial tersebut membabitkan semua pihak.

Mereka yang terlibat sepatutnya sedar bahawa kerajaan sangat mengambil berat gejala merokok ini. Beberapa langkah yang dianggap wajar telah dilaksanakan, antaranya ialah menghapuskan iklan rokok khususnya di televisyen. Begitu juga cukai rokok dinaikkan dan melarang menghisap rokok di pejabat. Pihak sekolah juga mengambil tindakan disiplin atau tatatertib terhadap pelajar yang merokok. Pelajar yang terlibat jika terbukti akan diberi amaran keras oleh Guru Besar atau dijatuhkan hukuman yang setimpal berhubung dengannya.

Memandangkan perbuatan menghisap rokok merbahayakan, maka, adalah patut jika kita mengelakkan diri dari terlibat. Ini akan membolehkan kita menjadi manusia yang sihat dan berperwatakan mulia. Kita juga akan tersisih dari urutan gejala sosial yang sering mengekori ke mana kita berada. Mengapakah kita perlu meniru orang lain menghisapnya sedangkan kita sudah tahu betapa buruk akibatnya merokok. Kita perlulah mempunyai keazaman untuk menghindari atau menyisihkan diri dari tabiat tersebut.

ONG WAH PU
3 Ferrum
10.6.1987

YANG MANA SAYA PILIH: KEKAYAAN ATAU PENGETAHUAN

Satu pertanyaan untuk anda semua: Manusia manakah yang tidak mahukan kekayaan dan harta benda yang berlonggok-longgok banyaknya?

Payah hendak kita car orangnya dan kalau adapun mungkin dapat dihitung dengan jari. Jika saya diberi dua pilihan, iaitu antara kekayaan dan ilmu pengetahuan, saya memilih kekayaan. Banyak sebab-sebab yang saya rasa waras, dan mungkin juga dapat diterima oleh orang ramai, yang boleh saya kemukakan disini.

Bagaimanapun, dalam hal ini, saya tidak berani menyatakan terang-terangan di hadapan khalayak ramai kerana mereka mungkin menganggap saya mempunyai sikap tamak dan haloba.

Dalam pada itu, memang benar jika ada orang yang menyatakan bahawa ilmu pengetahuan itu lebih tinggi harganya dari kekayaan. Himpunan kata-kata ini telah banyak disuarakan oleh ahli-ahli falsafah, baik dalam zaman dahulu mahupun dalam zaman ini. Akan tetapi, bila kita mengkaji sedalam-dalamnya, kita akan dapati bahawa kebanyakan mereka yang berlumba-lumba meninggikan lagi ilmu pengetahuan masing-masing sebenarnya berlumba-lumba untuk mendapat kesenangan yang lebih cepat lagi, iaitu kekayaan.

Walaupun saya tidak mengagung-agungkan kekayaan dan hartabenda atau wang, tetapi, jika saya diberi pilihan yang sedemikian, saya akan tetap memilih kekayaan. Dengan ini saya tidak akan berpenat lelah bekerja siang dan malam atau belajar bertungkus lumus untuk mendapatkan kekayaan. Saya juga akan dapat memberikan kesenangan dan kebahagiaan kepada kedua orang tua saya dan ahli-ahli keluarga saya yang lainnya.

Kita juga harus ingat bahawa dengan memiliki kekayaan, maka senanglah kita mencari ilmu pengetahuan atau mendalaminya. Pada ketika ini, mereka yang terdiri dari golongan miskin, jarang sekali dapat melanjutkan pelajaran di luar negeri. Kerajaan pula akan memilih siapakah yang layak sesuai untuk menerima biasiswa dan dermasiswa. Tidakkah ini menunjukkan kepada kita bahawa kekayaan adalah perlu dalam usaha untuk meninggikan lagi pelajaran.

Di samping itu, kita juga akan dapati bahawa melalui kekayaan, berbagai-bagai jenis kerja kebajikan yang dapat kita lakukan dengan baik, seperti menubuhkan yayasan pendidikan yang dapat membantu dan menaikkan taraf hidup rakyat serta ekonomi negara ini dengan melalui pendidikan. Bila kebajikan rakyat telah terjamin, maka dengan sendirinya kemakmuran juga akan terjamin. Bila kemakmuran terjamin, kemajuan dalam bidang-bidang ekonomi, sosial dan politik mudah dicapai dengan baiknya.

Banyak orang yang menyatakan bahawa bila seseorang itu telah kayaraya, ia akan bermegah diri dan bersikap sombong serta memandang rendah terhadap orang-orang yang miskin, tetapi kita juga pernah dengar atau mungkin telah bertemu bahawa ada manusia-manusia yang bijak pandai yang mendapat pelajaran setinggi langit tetapi sama juga berlagak sombong. Jadi, di manakah letaknya kebajikan yang didatangkan oleh ilmu pengetahuan? Walaupun kita sedar bahawa wang bukan sahaja boleh merosakkan manusia tetapi kita harus ingat siapakah yang telah mencipta bom atom dan lain-lain senjata moden? Mengapakah inflasi berlaku? Siapakah yang telah menyebabkan pengotoran alam terjadi pada masa sekarang ini? Kekayaan atau ilmu pengetahuan?

OLEH TAN SUAN FONG
(3 FERRUM)

BELIA LIAR SALAH SIAPA?

Masalah belia yang mempunyai sikap yang tidak baik dan liar merupakan satu masalah yang menonjol dan disebut di mana-mana jua pun. Berbagai langkah telah diambil untuk mengatasi masalah ini, namun pengaruh yang kurang sihat tetap mempengaruhi para belia melalui media massa atau media cetak dan ini menyebabkan masalah ini menjadi bertambah rumit.

Belia mempunyai hubungan yang penting dengan kerajaan. Para belia merupakan bakal-bakal pemimpin yang akan memerintah negara ini pada masa hadapan. Belia bolehlah dianggap sebagai 'asset' atau modal yang paling penting dalam sesebuah negara. Kerajaan harus melihatnya penting dan harus memberi perhatian yang serius terhadapnya. Jadi kerajaan harus membangunkan belia, sama seperti membangunkan ekonomi dan pendidikan.

Perhatian yang wajar perlu diberikan ke atas belia. Menyediakan sekolah, institusi pengajian tinggi dan pelbagai latihan masih belum mencukupi. Dengan menyediakan kemudahan pelajaran dan latihan hanya dikira sebagai kemudahan fizikal semata-mata yang belum tentu dapat membentuk belia pada hari ini menjadi pemimpin. Jika kita mengiktiraf para belia sebagai pemimpin masa hadapan, sebagai satu sumber yang penting, maka kita hendaklah menyediakan mereka dengan keperluan mental yang sesuai.

Di mana-mana negara pun, kerajaannya berlumba-lumba untuk membangunkan negaranya, terutama dalam sektor ekonomi. Tetapi sayang tidak yang demikian yang berlaku terhadap tenaga yang penting dalam pembangunan itu sendiri iaitu manusia dan belianya. Perhatian kepada para belia seolah-olah diabaikan. Golongan belia sering memperjuangkan cita-cita; ini merupakan satu ciri yang baik jika apa yang diperjuangkan itu adalah ke arah jalan yang betul. Oleh itu kerajaan dan para pendidik serta tokoh ulama hendaklah membimbing dan memberi arahan yang betul kepada belia. Para belia tidak boleh dibiarkan untuk mencari jalannya sendiri; kerana ini mungkin menyebabkan belia menghadapi berbagai masalah sosial.

Peranan tokoh pendidik dan para ulama amat penting kerana merekalah yang harus menunjukkan jalan yang betul dan benar serta mendidik para belia. Mereka hendaklah menegur para belia jika terdapat langkah para belia yang tidak sesuai dan sumbang. Golongan belia merupakan golongan yang berdarah panas, mempunyai pendapat dan idealisme yang tersendiri yang mampu berubah mengikut keadaan. Untuk menyedarkan dan mendekati mereka para ulama mestilah menggunakan pendekatan yang berbentuk pendidikan daripada menjatuhkan hukum. Inilah yang dipanggil berhikmah dalam Islam. Sepertimana yang diketahui para belia biasanya memberi pandangan yang serong terhadap para ualam. Maka para ulama hendaklah bertindak dengan cara yang paling bijak untuk mendekati mereka.

Kedapatan juga segolongan ulama yang tidak berfungsi dalam sesebuah negara. Mereka tidak menyampaikan kebenaran apabila dikehendaki menyatakan sesuatu. Memang wujud dua jenis ulama di mana-mana zaman jua pun. Satu bersifat statik dan satu lagi bersifat dinamik. Yang statik tentulah lebih mementingkan diri sendiri, sementara yang dinamik pula akan bertindak secara bijak dan rasional. Hanya ulama jenis ini sahaja yang mampu memberi panduan dan membawa kesan untuk merubah mental masyarakat.

Pengaruh kebudayaan asing seringkali dituduh sebagai perosak akhlak belia khususnya yang disalurkan melalui pelbagai alat media massa. Pengaruh budaya asing sangatlah dibimbangkan kerana ia paling banyak mempengaruhi media massa dengan menyalurkan pelbagai nilai budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam, dan mengharapkan agar para belia akan sebati dengan nilai-nilai ini. Lama kelamaan belia akan terpengaruh dan akan meninggalkan nilai-nilai Islam.

Dalam hal ini golongan belia memang tidak boleh dipersalahkan. Mereka terikut-ikut dan terpengaruh dengan nilai-nilai yang bertentangan dengan ajaran Islam kerana mereka amat terdedah kepada unsur-unsur yang negatif. Setiap hari mereka menerimanya melalui radio, video, filem dan televisyen. Mereka juga membaca dalam akhbar dan majalah segala nilai dan unsur negatif tersebut. Kalau ada yang sedar itu, maka me-

reka boleh elakkan daripada menonton atau membacanya tetapi kebanyakannya tidak sedar. Di sinilah kerajaan perlu memainkan peranannya. Kerajaan hendaklah cuba menyekat segala budaya asing dan unsur negatif tersebut daripada memasuki negara kita.

Sesebuah kerajaan adalah bertanggungjawab dalam membentuk peribadi dan memelihara ketahanan belianya supaya mereka tidak terpengaruh dengan unsur negatif yang boleh membawa kesan yang tidak baik kepada rakyat dan negara tersebut. Kerajaan haruslah sedar, terutamanya para tokoh pendidik, ulama dan pemimpin haruslah memainkan peranan mereka dengan efektif dan bukan hanya berpeluk tubuh sahaja. Rakyat tidak boleh dibiarkan membuat pilihan sendiri atau membuat keputusan sendiri; yang berilmu mestilah tampil untuk menjadi pemimpin dan menyedarkan masyarakat tentang sesuatu yang salah.

JOHARI BIN MOHD ALI
(5 SAINS II)

MUJAHIDIN DI AFGHANISTAN

Sekarang sudah genap sembilan tahun tentera Rusia menceroboh masuk ke wilayah Afghanistan. Dalam tempoh itu ramai pejuang-pejuang Afghanistan yang berjihad telah terkorban dan berjuta-juta tentera Rusia yang terbunuh. Namun Rusia masih belum dapat menduduki sepenuhnya negara Afghanistan dan mengalahkan pejuang-pejuangnya yang pada mulanya hanya bersenjatakan pasir dan batu. Berbanding dengan Rusia iaitu sebuah kuasa besar di dunia. Iman yang kuat dan rasa tidak ingin melihat tanah air mereka dijajah adalah menjadi semangat perjuangan bangsa Afghanistan. Mereka yakin Rusia akan dapat dikalahkan dengan izin Allah saja.

Di sekitar pergunungan dan lembah di Asia Tengah, terdapat satu bangsa kuno dan sangat kuat berpegang kepada agama Islam, sedang bertempur mati-matian menentang pencerobohan biadap Rusia. Sehingga sekarang pejuang-pejuang Afghanistan masih dapat mempertahankan tanah air mereka, walaupun telah membunuh ramai pejuang-pejuang mereka dan hingga sekarang masih lagi merenggut nyawa-nyawa mereka. Afghanistan adalah satu bangsa yang tidak pernah dihina oleh penjajah dan tidak rela akan penjajahan. Mereka tidak mahu melihat agama Islam dihancurkan oleh penjajah sekaligus tidak mahu menerima kebudayaan barat. Bangsa Afghanistan adalah bangsa yang miskin dan tidak pernah tersentuh akan sebarang kemewahan. Oleh kerana itulah para pejuang Mujahidin Afghanistan cukup dengan beberapa keping roti, untuk hidup selama sebulan. Namun mereka tetap bersatu padu dalam menentang pencerobohan Rusia.

Faktor-faktor mengapa Rusia menceroboh Afghanistan ialah kerana bimbang terhadap gelombang kebangkitan Islam yang sedang pesat di Afghanistan. Kelalahan Rusia di Afghanistan merupakan kekalahan yang pertama dan sekaligus membawa rasa malu terhadap dunia luar. Oleh kerana itu, sehingga sekrang Rusia masih lagi enggan mengundurkan tentera-tenteranya dari Afghanistan walaupun telah berjuta-juta tenteranya yang terbunuh. Kemenangan adalah satu impian besar bagi pejuang-pejuang Mujahidin Afghanistan. Ini akan menjadikan mereka satu bangsa yang agung, kerana tidak pernah tunduk akan sebarang penjajahan maupun dijajah.

Hanya dengan pertolongan dari Allah saja, bangsa Afghanistan akan terus berdiri megah di negara mereka sendiri dan agama Islam akan terus bertapak di sini. Firman Allah (S.W.T.) 'Aku akan menolong, orang-orang yang menolong agamaku'.

Semoga perjuangan Mujahidin Afghanistan tidak hanya tinggal di dalam sejarah Islam – Insyaallah.

Mohd Nizam bin Mohamad
4 Sastera 3

(GELAGAT RAKAN KELAS KAMI)

Mari dengar satu cerita
Mengenai telatah 5A3
Nampak saja baik-baik belaka
Tapi otak semua gila-gila

Mohn Azrin ketua kelas
Badannya besar bersifat tegas
Kata-kata cikgu semuanya dibahas
Mula-mula rajin kemudian malas

Abdul Nasir itulah dia
Badannya besar tak terkira
Cakap sedikit banyak ketawa
Jelingan matanya mezikam jiwa

Orangnya manis lawa sekali
Bila sendiri suka menyanyi
Gelaran 'Lias' manja sekali
Itulah Alias empunya diri

Kini tiba giliran dia
Suka merepek itulah kerja
Siapa tak kenal pujangga gila
Muzaffar Shah segak orangnya

Yunissafrin lain ceritanya
Asyik bercerita pasal rambutnya
Pasal modified rambut serah padanya
Semua ceritanya memusingkan kepala

Kini giliran Nasaruddin pula
Bolasepak tajuk utamanya
Tendang bola selalu gila-gila
Cita-citanya nak jadi pemain negara.

Gunasegaran baik orangnya
Butang baju sentiasa dibuka
Konon nak tayang bulu dada
Cuma ada sehelai dua sahaja

Mohd Faizal nama diberi
Mempunyai perangai berlainan sekali
Badannya kurus ibarat lidi
Ada hati nak jadi ahli gusti

Mohd Nizam lain orangnya
Boleh bertutur berbagai bahasa
Bahasa Peranchis bahasa ibundanya
sebutan 'r' lain pula bunyinya

Azman Radi kami kenalkan
Berasal dari negeri Kelantan
Kalau cerita pasal makan
'Budu' juga jadi perbualan

Itulah gelagat rakan kami
Semua terdiri dari lelaki
Tapi kami tak susah hati
Kerana pandai menjaga diri

Akhir sekali kami sudahi
Kalau terasa harap dimaafi
Kerana kami bukannya reti
Menjadi penulis yang dedikasi.

Oleh:
(OMAR BIN MUSTAFA)
5 SASTERA 3

With Best Compliments

from

玉美自立公司

GRACE SENDIRIAN DISTRIBUTORS

批發供應：
文房用具，運動用品，恤衫，獎牌，印務及課本。

WHOLESALES & SUPPLIED:
STATIONERY, SPORTS GOODS, T-SHIRT, TROPHIES PRINTING & BOOKS.

59, JALAN DESA MAKMUR, TAMAN DESA,
4TH MILE, OLD KLANG ROAD,
KUALA LUMPUR.
TEL: 7822688


SENANDUNG KENANGAN

Atas makmal di tingkat tiga,
5 Sc[1] terletak di situ,
Semua murid berotak geliga,
Hidup sentiasa bersatu padu.




Thang Wai Tat

Berkaca mata comel menawan,
Senyumannya mahal tak boleh dibeli,
Pn Rohana guru tingkatan,
Mengajar Bio teror sekali.




Ghazali

Low Weng Hon Ketua Baru,
Otaknya geliga sukar dilawan,
Thang Wai Tat bersuara merdu,
Dialah penolong ketua tingkatan.




Low Weng Hon

Budak baru nama Ghazali,
Tempat duduknya sebelah Gan Cheng Chuan,
Mereka berdua tak suka dibuli,
Kalau dibuli pasti melawan.




Gan Cheng Chuan


Lai Kian Kee ketua sekolah,
Orangnya pintar berbudi bahasa,
Lim Ngan Ping orangnya gagah,
Suka bertanya tak kira masa.




Lai Kian Kee


Tan Ban Hai orangnya lucu,
Suka menyanyi lagu Rozana,
Berkaca mata itulah Yew Choo,
Tempat duduknya di belakang sana.


Kumaravelu



Yew Choo


Kok Choon, King Yun dan juga Chun Ming
Suka membisu seribu bahasa,
Mohd Ibrahim bertiusyen di Ming,
Kuat study tak kira masa.


Chun Ming



Mohd Ibrahim


Shanker bapa library sekolah,
Orangnya lembut tak suka marah,
Yok Bork bisnessman di dalam darjah,
Kalau bercakap tak mahu kalah.


Shanker


Yok Bork


See Kok Kiong cute orangnya,
Raymond digelar Romeo tingkatan,
Lim Wang tersenyum manis rupanya,
Mereka bertiga teror lukisan.


See Kok Kiong



Lim Wang


Hidzir Hashim berkaca mata,
Orangnya pendiam otaknya bijak,
Haji Zamzuri tak suka mengata,
Pandai bersyair dan juga bersajak


Hidzir Hashim



Haji Zamzuri


Pernah muncul di Tekaria,
Kumaravelu diberi nama,
Yit Sun dan Chee Peng kacak bergaya,
Merkea berdua duduk bersama.


Yit Sun


Chee Peng


Orang kuat pengakap sekolah,
Itulah dia Hock Leong dan Amran,
Han Boon dan Chee Tuck tak pernah kalah,
Terutama dalam bidang pelajaran,



Hock Leong


Chee Tuck



Amran


Alor Gajah tempat asalnya,
Itulah dia Si Tamil Selvam,
Mr. Raja sabar orangnya,
Walau ditumbuk sehingga lebam.


Tamil Selvam



Raja


Wajahnya glamour dan boleh tahan,
Anak Dato' belum berpunya,
Model iklan profesyen pilihan,
Zulkhairi Hasan itulah namanya.


Zulkhairi Hasan



En Tat


Siak Mun dan En Tat pandai berjenaka,
Pandai menggoda dan kacau mak we,
Shuh Chuu duduk di kiri mereka,
Masa Geografi suka ketawa.


Siak Mun



Shuh Chuu


Mulutnya bising seperti murai,
Macam VIP lagak dan cara,
Bila gembira ketawa berderai,
Itulah Sailendra penglipur lara.


Sailendra


Omantaram

Dua jejaka hero hindustan,
Bernama Oman dan Sarawanan,
Berproton Saga itulah Sai Chuan,
Sekali pandang tentu tertawan.



Sarawanan




Sai Chuan


Bertubuh seksi suka berenang,
Alvin Phang nama diberi,
Eng Ho selalu berwajah tenang,
Bekas ketua tingkatan kami.


Alvin Phang Sing Yap



Eng Ho


Dua murid senior kami,
Ambil SPM kali kedua,
Tempat duduk di belakang sekali,
Jerome dan Boey Meng nama mereka.


Jerome


Boey Meng

Sekian sahaja senandung kenangan,
Salah silap harap maafkan,
Tiada lain yang diharapkan,
SPM Grade satu jadi impian.


Ban Hai


Raymond

With Best Compliments
from

PENERBITAN PELANGI SDN. BHD.

66868 Jalan Pingai,
80400 Taman Pelangi
Johore Bahru, Johore
Tel: 07-3279938
07-326805

SYARIKAT PERNIAGAAN SINAR SURIA

B. H. Chan

School Supplies, Educational, Text, Revision, Library, Cookery, And Exercise Books, Teaching Aids, Sport Goods, Trophies, T. Shirts, Stationery Printing Works, Rubber Stamps, Name Tag, Photocopying, Publishers Representative Etc.

Shop: No. 19, Jalan SS 4C/5, Taman Rasa Sayang, Petaling Jaya. Tel: 7035811 Res. Tel: 7031613

萬隆光學中心有限公司

MON LOONG OPTICAL CONTACT LENS CENTRE SDN. BHD.


蔡 建 平 (光學士)

CHAI KIAN PIN
(Ophthalmic Optician)

Head Office:
No. 133, JALAN IPOH,
51200 KUALA LUMPUR.
TEL: 4425439

Branch:
144, JLN. RAJA LAUT,
50350 KUALA LUMPUR.
TEL: 4411787

5 SASTERA 1



Di sini adalah cerita mengenai penghuni-penghuni kelas 5 Sastera 1 yang terdiri daripada:–

Arikrishan	– Dia mempunyai "6 million dollars legs" tetapi juga mempunyai "2 dollar-face".
Siew Sing Keong	– Peminat filem kartun. Badannya pun lebih kurang macam kartun.
Hasdi	– Nama samaran "Eddie John" dan badannya tegap serta seksi.
Ng Swee Hin	– Digelar sebagai "kerbau" kerana suka duduk di belakang supaya dapat berehat tanpa diganggu.
Lim Han Loong	– Badannya besar macam ———————. Dia juga Ketua Kelas dan bila marah semua cabut lari.
Nathan	– Wajahnya mirip Amitabh Bachan tapi suaranya macam "Param".
Chong Ken Fatt	– Dikenali sebagai "Mighty Mouse" dan berkebolehan dalam segala hal.
Thang Wai Kong	– Seorang yang selalu menolong orang lain dan kadangkala ketawanya boleh di-dengar dari jauh.
Cheong Weng Kai	– Digelar sebagai "Ayam jantan yang paling tua di MBS".
Puah Keng Teck	– Dikenali sebagai Alvin Puah dan pandai dalam hal ehwal perakaunan.
Silvester	– Seorang yang gagah perkasa tetapi takut pada budak kecil.
Ong Toon Ben	– Dia mempunyai otak macam komputer.
Azizan	– Murid yang paling kacak dalam kelas.
Azizi	– Orangnya pendek dan perangainya seperti budak-budak. Selalu cerita pasal "makwe".
Jeevan	– Dikenali sebagai "Tarzan Boy" dan suka makan roti.

Radzuan	– Kena kutuk dengan panggilan "Lebai Rock".
Teoh Hang Poh	– Datang lambat bila hari hujan dan bila ditanya kenapa dengan selamba menjawab, "Bermain snooker sementara tunggu hujan berhenti".
Mohd. Saufi	– Dia juga dipanggil Hafiz. Seorang perpustakawaan yang berkalibar.
Ramly	– Mempunyai syarikat burger iaitu Ramly Burger di Wisma Todi.
Azmi	– Suka tidur semasa cikgu mengajar – mottonya "Tidur cepat, jiwa selamat".
Jaspal Singh	– Adik-beradiknya iaitu "The 7 Brothers" yang menjadi "Taiko Sentul Pasar".
Abdul Malik	– Diberi nama "bujang selamat" kerana bujanglah yang dapat selamatkan dari gangguan "Ah Moi".
Arrulchelvan	– Nama kedua "karate kid" tetapi sebenarnya "Satay kid" kerana makanan kegemarannya ialah satay kambing.
Kanes	– Selalu cerita tentang kekasihnya Uma dan dijangka akan berbulan madu di Ethopia.
Yee Heng Wah	– Pandai dalam hal ehwal gunting-menggunting rambut terutamanya rambut perempuan.
V.D. Chelvarajah	– Perangainya seperti budak-budak yang suka bermain patung.
Mohd. Salawuddin	– Dikenali dengan nama "Dean Mat Roller" Ingin menjadi Romeo tetapi bila keluar dengan "makwe" bukan dia yang belanja.
Mohd. Hisham	– Dia merupakan Mat Jiwa-jiwa yang aktif dan mempunyai rambut yang menarik.
Lock Yew Hoong	– Selalu sahaja berborak dan suka meminjam buku Ken Fatt.
Mohd. Yani	– Nama Timangannya "Mike" dan suka racing di Batu Tiga.
Baharuddin	– Seorang yang paakar dalam meramalkan Cuaca.
Saravanakumar	– Ingin mengikut jejak-jejak Carl Lewis. Malangnya tingginya hanya 160cm!
Leong Khai Cheong	– Setiap hari Jumaat, dia selalu mendengar "Walkman" semasa guru tiada.
Haw Hee Heng	– Nama samarannya ialah H^3. Ramai orang takut mendekatinya kerana dia mempunyai kuku yang panjang dan tajam.
How Lian Heng	– Katanya, dia selalu pergi ke pusat sumber untuk membaca majalah-majaslah tetapi sebenarnya ada niat lain.
Law Tuck Wai	– Selalu pinjamkan Liquid Paper kepada orang lain dengan syarat mesti bayar 20¢ sekali digunakan.
Hong Eng Huat	– Orangnya baik, kacak dan mempunyai rambut yang menarik. Oleh itu, ramai "Meenachi" tergila-gilakannya.

Mohd. Johari – Seorang yang pendiam dan buku B.M.nya selalu dipinjam orang.

Mahadi – Selalu disuruh meminjam pemadam dari kelas lain – tak tahu apa yang dia buat dengan pemadam kelas kami.

Karnan – Selalu suka menyanyi lagu-lagu Melayu dalam kelas tetapi tidak sedar suaranya lebih teruk daripada suara katak.


Lim Chee Kian – Sudah lama belajar "Taekwondo" tetapi masih belum tahu "Stance" dengan betul.

Gunasilan – Selalu berborak dengan "The two-dollar face man" di sebelahnya, pernah digelar "Tarakguna".

Aziz – Dia adalah salah seorang dari "Sleeping beauty" dalam kelas dan selalu buat kelakar.

Sebelum mengundurkan diri, saya ingin mengatakan bahawa apa yang telah tercatat di atas adalah cuma untuk berseronok sahaja dan saya berharap bahawa tidak ada sesiapa yang akan kecil hati. Akhir sekali, saya ingin menyusun 10 jari meminta maaf sekiranya terkasar bahasa atau tersilap kata.

Disusun oleh,
Thang Wai Kong.





5 ARTS 2

In a far corner of Kuala Lumpur stands MBS, Sentul which has the most unusual students especially 5 Arts 2 @ 5 Rock 2!! Let me describe them to you:–

5 ROCK 2

Low Chee Soon :
Sia Tek Hok :
Wee Chee Keong :
Tan Lam Seng :
Ng Kok Teong :

The five Chinaman who aim to bring glory to Malaysia by playing SNOOKER!

How Kok Keong : A very good artist who clowns in class.

Yogeswaran : A quiet boy who runs loose during Thaipusam Day.

Rosli & Maidin : The former is President of the Persatuan Yatim Piatu and the latter is President Mamak Malaysia.

Peter Lam & Lim Meng Ann : One thinks he is Peter the Great and the other thinks he's the school HM.

Mohd. Nor Azam : Ahli pengakap yang berpengalaman; masuk hutan Kepong, sesat tiga bulan.

Tang Siew Choong & Mekanathan : One thinks he can wake the Sleeping Beauty of the class with his kisses but has shown no sign of waking up yet. As for the other he intends to open his very own Padang Kelab Selangor II.

Gopinathan & Chandrasegar : Gopi is MBS's road-runner who goes Kee! Kee! Kee! and Chandra is also a school runner brought to us from U.S. but has slackened in his performance.

Devendra : A disgrace to the class. He is also a gang leader in Bandar Baru.

Charanjit & Baghwan Singh : The first one is a big merchant in the ghee business, processing the most successful brand (Turban Brand) and the second one is the Vice Captain of MBS but runs an illegal milk-producing business.

Ganesan & Govindaraj : Our two greatest book smugglers in the school library.

Rosman & Shukor : The Biggest mistakes ever made.

Ng Seng Kiat & Chin Chee Wee : Seng Kiat is a quiet but goofy in the class while Chee Wei is a typical supporter of the Communist Party.

Soh Chee Boon : The school's very own Sleeping Beauty who can sleep through anything.

Zahari : Our most active day-dreamer but has established himself as a qualified postman.

Abdul Razak : A religious preacher but plans to have six wives in the future!!!!

Theagu, Ramesh Rudd & Mohan K. : This trio is in form five but behave like kindergarden children.

Tan Kim Ju & Cheah Chun Yee : Kim Ju aspires to be Frankeinstein while Chun Yee dreams of painting the ceiling of Masjid Negara.

Leong Wing Soon & Gunasilan	:	The former is an escapee from Tampoi and Gunasilan is the Setapak Gangster who can even con a Minister!
Amir & Shukri	:	The brains of the class who come to school only once a week.
Kamarul & Faizal	:	They come to school as usual but spend the whole day writing love letters.
Ramli & Aziz	:	A couple of illegal immigrants to the 5 Rock 2 class!!!!
Voon Pak Kian & Mohd Haniff	:	One is a fan of Woody Woodpecker and the other, Jin Trengganu.
David Nava	:	He thinks he's the sexiest boy in our class but very sorry to say he's just the opposite.
Mohan J. & Chandra	:	The former thinks he is RITCHIE BLACKMORE but sad to say he is a failure to the DEEP PURPLE rock band and the latter intends to form a profesional anti-criminal squad called the BAT WARRIORS.
Aw Wai Choong	:	He is the general patron of the MAK NYAH society in Malaysia!
Ramesh A. @ Kenny Raj	:	The one and only strange goalkeeper in the world who is capable of stopping any shot made into the goalmouth with his teeth.

And now we have come to the end of the road. This is what, I, Ramesh A. Ripley Challenge you to BELIEVE IT OR NOT. I, on behalf of the 5 Rockers "2" would like to take this opportunity to thank all our most charming and helpful teachers for all the help and advice.

Thank You.

The Forever Loving Ones,
5 Rock 2 @ 5 Arts 2

M.B.S. Sentul's Barisan Nasional



M.I.C. Youths

AULD LANG SYNE

Well, it seems quite unbelievable that in a short time, I will be joining the other 'seniors' in saying 'Adios' to this great school of ours after being in her midst for five years. There is a feeling of great reluctance and sadness too (Sob! Sob! Sob!).

I can still recall vividly the first day I set a foot in this big, old and greyish building (which was the colour then). It was a very hot afternoon indeed and all of us were assembled in the tennis court waiting anxiously and nervously for the then Afternoon Supervisor, Mr. Inder Singh to call out our names and place us in our respective classes. I tell you, his voice (which sounded more like thunder) can be heard a mile away!

As soon as we were in the classroom, most of us were chatting at the top of our voices except one or two whose golden voices can only be heard once in a blue moon. There were many new faces around especially those from the remove classes. At that time, I had a very strange feeling inside me and I was doubtful that we could get along well. Eventually, I am glad to say, we did.

There are many unforgettable experiences – one of them is how and when we first met the most feared person and also the most talked about person in school at that time. He was none other than Mr. Inder Singh, a man rarely seen without his cane, whose favourite word, 'Youuu!!!' which can be heard booming throughout the school corridors!

Most of the time, whenever the teacher was not in class, at least one guy would be looking out to see whether 'he' would be coming or not and when he gave us the warning, all of us would run back to our seats as fast as our legs could carry us and try to be as quiet as a mouse and be as proper as possible!

That was how it used to be in those days especially the first two years. Slowly, things began to change (for the better, thank goodness!) as we joined the others in the morning. Since then, most of us have grown out of our mischievous and naughty habits and have settled.

